

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI FARMASI
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

MIZATON BINTI HAZIZUL HASAN

PENULIS :

1. MASHANI BINTI MOHAMAD
2. NURUL IZZATI BINTI OSMAN
3. KHURIAH BINTI ABDUL HAMID
4. NORAZLINA BINTI AHMAD
5. SYAHIDA FATHIAH BINTI AHMAD KAMAL
6. MIZATON BINTI HAZIZUL HASAN
7. NIK ATEERAH RASHEEDA BINTI MOHD ROCKY

8. AISYAH HASYILA BINTI JAHIDIN
9. KALAVATHY A/P RAMASAMY
10. LIM SIONG MENG
11. EZLINA BINTI USIR
12. NOR KHAIZAN BINTI ANUAR
13. ZAKIAH BINTI MOHD NOORDIN
14. MUHAMMAD HARITH BIN ZULKIFLI
15. NORMALA BINTI ABD LATIP
16. WAN AZMAN BIN WAN ISMAIL
17. SITI NOORAISHAH BINTI HUSSIN
18. MOHD FAIZ MUSTAFFA
19. AZLINDA BINTI HJ MOHAMAD NOR
20. AZLINDA BINTI HJ MOHAMAD NOR
21. NOR AZLIANA BINTI NORLI
22. NORHAYATI BINTI MOHD ZAIN
23. YUSLINA BINTI ZAKARIA
24. MAZIANA BINTI MAHAMOOD
25. HASSERI BIN HALIM
26. AHMAD SHAHRIL AZWAN BIN ABD RAHIM
27. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan FF TELAH merangka beberapa **PERANCANGAN** berkaitan Bidang Tumpuan (BT) iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan dengan **memformulasikan** Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang dibangunkan berdasarkan sasaran petunjuk prestasi (PI) dan didokumentasikan dalam dokumen ***Pensejajaran Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 6***. Perancangan ini dirangka bagi mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 dan memenuhi hasrat negara mencapai objektif “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”. Garis panduan yang digunakan dalam merangka PTS berkaitan adalah berdasarkan **Pelan Strategik UiTM 2025, Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025, Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy Framework (MySTIE-10 on 10) dan National Policy on Industry 4.0**.

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan FF TELAH **MELAKSANAKAN** aktiviti-aktiviti yang dirancangan dengan menetapkan dua **inisiatif strategik** utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi BT iaitu ***ProliFic (PROMoting impactful pubLications From academicS) dan Excel (Expand ResearCh to the nExt Level)***. Aktiviti-aktiviti tersebut TELAH mengasah kemampuan warga fakulti dalam mempertingkatkan pencapaian BT melalui penghasilan artikel ilmiah (seperti bahan bacaan saintifik, penulisan akademik dan penerbitan berindeks), perolehan geran dan jaringan kerjasama yang memberi impak kepada heliks kuintupel (*quintuple helix*) dari dalam dan luar negara. Selain itu, penetapan inisiatif strategik ini juga bertujuan memperkasakan aktiviti berkaitan BT dalam mencapai hasrat meningkatkan kedudukan FF dalam senarai *QS World University Ranking* berdasarkan subjek Farmasi dan Farmakologi. Penetapan PTS FF ini telah disebarluaskan di laman sesawang rasmi FF, melalui hebahan emel kepada warga FF serta dimuatnaik di media sosial rasmi FF.

Pengurusan Kanan FF TELAH membuat **PEMANTAUAN** berkala terhadap projek-projek yang dirancangan. Langkah **PEMANTAUAN** melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) FF dalam setiap Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FF. Pemantauan TELAH mengambilkira laporan dapatan audit, pelaporan aktiviti BT, dan penyenaian risiko berkaitan Penyelidikan dan Inovasi dalam Daftar Risiko FF. Selain itu, penetapan Objektif Kualiti FF (Objektif Kualiti 6, 7 dan 8) TELAH menyasarkan bilangan serta nilai tertentu untuk dicapai bagi penerbitan berindeks, nilai (RM) geran penyelidikan dan bilangan pengkomersilan hasil penyelidikan untuk dipantau secara berkala bagi mengawalselia agenda BT.

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan FF berdasarkan hasil analisis data pemantauan yang TELAH dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan FF dan kemudian diperhalusi dalam Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FF yang dijalankan pada setiap sukuan tahunan. Menerusi perbincangan ini, strategi penambahbaikan bagi petunjuk prestasi FF yang belum tercapai dan pemerksaan petunjuk prestasi FF yang telah mencapai sasaran telah diputuskan untuk tindakan yang bersesuaian. Semakan berkala terhadap Objektif Kualiti FF turut menyediakan platform agar bilangan penerbitan, nilai geran penyelidikan dan bilangan produk untuk dikomersilkan dapat disemak dan ditambah baik. Penambahbaikan ini diselaraskan mengikut halatuju universiti berdasarkan objektif dan inisiatif strategik FF. Penambahbaikan berterusan ini bertujuan untuk memastikan setiap objektif dan inisiatif strategik yang disasarkan tercapai dan dibudayakan dengan berkesan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti BT yang TELAH dijalankan sehingga ke peringkat luar UiTM.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah berikut TELAH diamalkan oleh Pengurusan Kanan FF untuk menggerakkan BT:

Perancangan sistematik

Inisiatif strategik BT FF **TELAH dibangunkan** berdasarkan dokumen **Pensejajaran Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 6**. Perancangan **TELAH mengambil kira PENILAIAN** berdasarkan analisa SWOT bagi BT. Dua inisiatif strategik TELAH diwujudkan di bawah tema strategik ke-4 GRU2025, *Translational Research Development, Innovation and Commercialization* iaitu ***Prolific (PROMoting impactful pubLLications From academICs)*** dan ***ExceL (Expand ResearCh to the nExt Level)*** untuk memperkasa aktiviti BT (Bukti 1.2 a).

Kedua-dua inisiatif strategik ini **TELAH diformulasikan secara SISTEMATIK** dengan mengambil kira **hala tuju dan garis panduan** di peringkat global, kebangsaan, kementerian, universiti dan fakulti. Di antara garis panduan yang digunakan adalah **Pelan Strategik UiTM 2025, Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 dan Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)** (Bukti 1.2 b), **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy Framework (MySTIE-10 on 10) dan National Policy on Industry 4.0** (Bukti 1.2 c) selain menyahut seruan kerajaan dalam mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan mensasarkan pembangunan untuk semua berpaksikan ilmu.

Penetapan inisiatif strategik TELAH menyasarkan **elemen inovasi, penilaian dan penambahbaikan** seperti berikut: (Bukti 1.2 d):

1. Menjuarai penyelidikan yang berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu seperti yang digariskan dalam Objektif ke-7 **Pelan Strategik UiTM 2025**.
2. Peningkatan penyelidikan dan inovasi telah disenaraikan sebagai salah satu teras utama dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan salah satu projek agenda kritikal seperti yang dinyatakan dalam **Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025**.
3. Melalui Sasaran Ekonomi Makro Terpilih, negara berhasrat memperkukuh asas ekonomi makro dengan melonjakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) dalam teknologi baharu dan menambah baik akses kepada pembiayaan untuk menyokong inovasi dan pembangunan kemahiran seperti dinyatakan dalam dokumen **Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)**.
4. Merujuk kepada **RMK-12** juga, penyelidikan akan dipergiat melalui kerjasama yang lebih erat antara institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa bertepatan dengan aspirasi kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hab serantau penyelidikan klinikal. Di samping itu, RMK-12 turut menyasarkan pengkomersilan penemuan R&D bagi menjamin bekalan ubat-ubatan yang mampan di Malaysia.
5. Selaras dengan matlamat 3, SDG, *good health and well being* dan **MySTIE, medical and healthcare, digital health, precision medicine**, aktiviti BT memfokus kepada program penjagaan kesihatan, *neuro technology* serta IR4.0 (*3D printing dan data science*).

Contoh program BT yang menekankan **elemen INOVASI** adalah seperti PharmIINDEX 2023. Manakala elemen **PENILAIAN dan PENAMBAHBAIKAN BT** direalisasikan melalui beberapa projek seperti *Write2Flourish, AI Tools for Efficient Academic Writing, dan The Write2gether Initiative: Boosting Publication and Authorship Among Lecturers* bagi memperkasakan penghasilan penerbitan dan mengasah kemahiran para pensyarah menulis artikel ilmiah untuk diterbitkan sebagai makalah berimpak. Ini bagi mengelakkan kebergantungan penerbitan hanya kepada sekelompok ahli akademik sahaja seperti yang telah dikenalpasti dalam penilaian analisa SWOT BT. Sementara itu program *FRGS Write2Win* turut dianjurkan bagi membimbing para pensyarah dalam menyediakan kertas cadangan untuk mendapatkan geran penyelidikan FRGS (*Fundamental Research Grant Scheme*). (Bukti 1.2 e)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan, Pengurusan Kanan FF TELAH membuat **perancangan sistematik** terhadap pendekatan dan kaedah bagi menggerakkan BT dengan mangambilkira elemen **inovasi, penilaian dan penambahbaikan**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_K01_KB02_20241_1.2 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB02_20242_1.2 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB02_20243_1.2 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB02_20244_1.2 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB02_20245_1.2 e.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan dua **iniatif strategik utama** berkaitan BT iaitu **Prolific dan Excel** TELAH dirangka mengambil kira keperluan yang telah digariskan dalam **memenuhi petunjuk prestasi FF** berdasarkan penetapan oleh pihak BTU (Bahagian Transformasi Universiti). Melalui kedua-dua iniatif strategik ini, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemeraksanaan penghasilan penerbitan akademik, pewujudan ekosistem penyelidikan yang kondusif dan jalinan rangkaian kerjasama penyelidikan sehingga ke peringkat antarabangsa **TELAH dirangka dan dijalankan** di bawah pemantauan utama Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FF dan melibatkan kerjasama jawatankuasa program-program yang dianjurkan (Bukti 1.3 a).

Iniatif strategik dan keperluan memenuhi petunjuk prestasi ini TELAH **disebarluas kepada semua warga FF** secara sistematik melalui pelbagai medium. Penetapan iniatif strategik FF ini telah dihebahkan secara konsisten melalui Mesyuarat Pengurusan (Bukti 1.3 b), pemantauan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi FF melalui emel, dan pemakluman Pensejajaran Perancangan Strategik FF di laman web rasmi FF (Bukti 1.3 c). Selain itu, hebahan turut disebarluas dengan pemakluman aktiviti BT melalui emel kepada **warga UiTM** (Bukti 1.3 d), di laman sesawang rasmi FF, dan media sosial seperti laman Facebook Rasmi FF (Bukti 1.3 e).

Perluasan hebahan aktiviti-aktiviti BT ini berfungsi sebagai pemakluman dan bertujuan **meningkatkan ketampakan FF** dengan meraih penglibatan daripada seluruh pihak yang berpotensi menyertai aktiviti-aktiviti yang dihebahkan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan iniatif strategik FF yang dirancang TELAH dilaksanakan pada tahap **pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan sistem UiTM**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB03_20241_1.3 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB03_20242_1.3 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB03_20243_1.3 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB03_20244_1.3 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB03_20245_1.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan FF TELAH **melaksanakan pemantauan berterusan** menerusi beberapa pelan tindakan bagi **mengenalpasti pencapaian** program-program BT melalui mekanisme pemantauan seperti berikut:

- **Pengenalpastian** pencapaian petunjuk prestasi BT yang terdahulu **dalam Bengkel Perancangan Strategik FF**. (Bukti 1.4.1 a)
- Pemantauan berkala pencapaian PTS oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi dan Penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi FF dalam setiap **Mesyuarat Pengurusan FF dan Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FF**. (Bukti 1.4.1 b)
- Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan **pelaporan aktiviti** yang melibatkan BT. (Bukti 1.4.1 c)
- **Pemantauan melalui audit dan pencapaian berkala Objektif Kualiti** oleh Unit Kualiti dan Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi berkaitan BT. (Bukti 1.4.1 d)

Pengurusan Kanan FF TELAH melaksanakan **pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan** sesuatu inisiatif bagi BT. Hasil pemantauan melalui pelbagai mekanisme ini TELAH dibincangkan dalam **kaji semula pengurusan** melalui inisiatif berikut:

- Pengenalpastian punca kegagalan PTS BT melalui **perbincangan** berdasarkan pengumpulan dan analisis data dalam **Bengkel Perancangan Strategik FF** yang melibatkan semua ahli pengurusan FF, jawatankuasa berkaitan, kumpulan sasaran dan staf senior fakulti yang bertindak sebagai pakar rujukan. (Bukti 1.4.1 a)
- **Penyenaiaan berkaitan isu** yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi dalam Mesyuarat Pengurusan FF dan Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FF. (Bukti 1.4.1 b)
- **Pembentangan** mengenai **isu atau risiko BT** dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko FF yang dipengerusikan oleh Dekan berdasarkan input yang dinyatakan dalam Daftar Risiko FF. (Bukti 1.4.1 e). Selain itu, tahap pencapaian setiap Petunjuk Prestasi dilaporkan (Bukti 1.4.1 c) berdasarkan pencapaian bulanan yang dikemaskini oleh Pengarah Program ke dalam sistem bersepadu UiTM.
- **Pemantauan pencapaian Objektif Kualiti** berkaitan BT dipantau dari semasa ke semasa secara berkala. (Bukti 1.4.1 d)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH mengenalpasti pencapaian BT dan punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi BT. FF TELAH melaksanakan pelan pemantauan yang berkesan terhadap objektif dan inisiatif strategik (PTS). Data pemantauan ini TELAH dikumpul dan dianalisis. Hasil analisis data-data ini TELAH **digunakan untuk penambahbaikan proses** melibatkan kumpulan sasaran dan digunakan dalam **kaji semula pengurusan**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_K01_KB04_KC01_20241_1.4.1 a - Pemantauan dalam Diskusi Bengkel Strategik.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC01_20242_1.4.1 b - Pemantauan dalam MP dan Perbincangan PS.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC01_20243_1.4.1 c - Laporan Program BT.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC01_20244_1.4.1 d - Pemantauan melalui Audit dan Objektif Kualiti.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC01_20245_1.4.1 e - Risiko.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko BT TELAH **dikenalpasti** semasa **Bengkel Perancangan Strategik FF**. Selain itu penyenaaraian risiko berkaitan BT juga turut didokumenkan dalam **Daftar Risiko FF 2023** dan **Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun (2021-2025) FF Bil. 6**. (Bukti 1.4.2 a)

Kedua-dua PTS BT dilihat memiliki kategori risiko utama yang sepunya iaitu kekangan dari segi ketampakan penyelidikan. Antara faktor yang menyumbang kepada risiko utama ini adalah (1) kekurangan bilangan penerbitan berindeks dalam kalangan staf dan jumlah sitasi, (2) bilangan geran penyelidikan berimpak tinggi yang rendah, dan (3) sokongan dalam ekosistem penyelidikan yang terbatas.

Bagi faktor risiko pertama (1), **FF TELAH mengambil LANGKAH penambahbaikan** dengan menganjurkan program-program untuk mengasah kemahiran menulis artikel ilmiah. Sebagai usaha meningkatkan motivasi dalam kalangan staf, Pengurusan Kanan FF turut memberikan pengiktirafan bagi meraikan staf yang berhasil memenuhi KPI penerbitan. (Bukti 1.4.2 b)

Bagi faktor risiko kedua (2), Pengurusan Kanan FF **TELAH mengambil INISIATIF menganjurkan** bengkel penulisan kertas cadangan geran penyelidikan FRGS (*Fundamental Research Grant Scheme*) seperti *Write2Win FRGS Clinic*. (Bukti 1.4.2 c)

Sementara itu, bagi risiko ketiga (3), Pengurusan Kanan FF **TELAH mengambil beberapa TINDAKAN** antaranya dengan **menggiatkan usaha sama** bersama kolaborator dari dalam dan luar negara. Bidang kepakaran yang boleh dimanfaatkan bersama telah dikenalpasti. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penganjuran aktiviti BT seperti seminar dan perbincangan bersama rakan kerjasama. Sistem permentoran dengan rakan kolaborasi turut dilakukan bagi meningkatkan kualiti penulisan dalam penerbitan berindeks. FF turut menghasilkan penerbitan bersama penyelidik daripada institusi pengajian tinggi yang telah memeterai memorandum persefahaman bersama (Bukti 1.4.2 d).

Risiko berkaitan masalah kulat di makmal penyelidikan telah disenaraikan dan **TELAH dinyatakan dalam Daftar Risiko FF** serta **dibentang dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko FF**. Berhubung risiko ini, langkah sewajarnya TELAH diambil oleh Pengurusan Kanan FF dengan kerjasama pihak fasiliti. Tindakan **pembaikpulihan** dan **pencegahan** TELAH dijalankan bagi memastikan ekosistem penyelidikan berada di tahap terbaik demi menjamin kualiti keberhasilan BT (Bukti 1.4.2 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF **TELAH mendaftarkan, menilai, menganalisa dan merancang tindakan pencegahan** risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB04_KC02_20241_1.4.2 a - Kenalpasti Risiko.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC02_20242_1.4.2 b - Langkah Penambahbaikan.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC02_20243_1.4.2 c - Inisiatif Pemerkasaan.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC02_20244_1.4.2 d - Program Jaringan.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC02_20245_1.4.2 e - Pengendalian dan Pembaikan Risiko.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FF TELAH **menganalisa** hasil perancangan strategik BT. Hasil analisa ini TELAH digunakan untuk tindakan penambahbaikan. Menerusi Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FF dan Mesyuarat Pengurusan FF yang dijalankan secara berkala, semua data dan maklumat berkaitan BT TELAH dibentang dan dibincangkan oleh Pengurusan Kanan FF untuk langkah penambahbaikan. Hasil kajian semula telah **mengenalpasti penambahbaikan-penambahbaikan** terhadap hasil perancangan strategik sedia ada bagi BT seperti berikut:

1. **Menganjur dan menyelaras** program berteraskan perkongsian pengetahuan (seminar dan bengkel) bertemakan penyelidikan dan inovasi (Bukti 1.4.3 a).
2. **Menggunakan kepakaran dalaman dalam program-program pementoran** bagi meningkatkan kecemerlangan hasil BT (Bukti 1.4.3 b).
3. **Melibatkan pakar-pakar bidang berkaitan** sebagai panel dan penceramah dalam sesi perkongsian pengetahuan agar peserta diperkasakan dengan bimbingan yang sewajarnya (Bukti 1.4.3 b).
4. **Memfaatkan teknologi digital** dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti BT secara atas talian untuk meningkatkan penyertaan dan aksesibiliti (Bukti 1.4.3 c).

Penambahbaikan yang telah dikenalpasti di peringkat Pengurusan Kanan FF TELAH **dikongsikan bersama warga FF serta peringkat global** melalui hebahan aktiviti-aktiviti BT oleh Ketua Pusat Pengajian, pemakluman menerusi emel serta promosi aktiviti di laman sesawang dan media sosial rasmi FF (Bukti 1.4.3 d).

Hasil penambahbaikan (1) TELAH meningkatkan prestasi FF dengan kejayaan **penyelarasan program** dengan kerjasama rakan kerjasama di peringkat antarabangsa. (Bukti 1.4.3 a)

Hasil penambahbaikan (2,3) TELAH meningkatkan prestasi FF dalam aspek **pencapaian kecemerlangan**. Ini telah dibuktikan kejayaan meraih pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan seperti di Anugerah Kecemerlangan Majlis Dekan Farmasi bagi kategori Penyelidikan. FF turut mendapat pengiktirafan di Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023. Nilai perolehan geran penyelidikan FF pada tahun 2023 turut memberangsangkan dengan mencatat nilai keseluruhan RM 5,860,672.00 (Bukti 1.4.3 e).

Hasil penambahbaikan (4) TELAH meningkatkan prestasi FF dalam aspek **kebolehtampakan jabatan** dengan penganjuran pelbagai aktiviti BT secara atas talian dan aplikasi teknologi digital seperti penganjuran pertandingan inovasi PharmIINDEX 2023 yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. (Bukti 1.4.3 c)

Kesimpulannya, pengurusan Kanan FF TELAH membuat pemantauan terhadap hasil perancangan strategik dan menganalisis data-data pemantauan tersebut. Hasil analisis ini TELAH digunakan bagi tujuan penambahbaikan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF dan Mesyuarat Pengurusan FF dan TELAH **dikongsikan dengan warga FF dan peringkat global**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB04_KC03_20241_1.4.3 a - Penganjuran dan Penyelarasan Program.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC03_20242_1.4.3 b - Kepakaran Panel.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC03_20243_1.4.3 c Penambahbaikan Dengan Teknologi.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC03_20244_1.4.3 d - Hebahan Aktiviti Pelbagai Platform.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC03_20245_1.4.3 e - Pencapaian Kecemerlangan BT.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan FF membudayakan objektif dan inisiatif strategik (PTS) dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan yang berkesan. Melalui **Mesyuarat Fakulti** yang dihadiri oleh semua staf akademik, maklumat berkenaan objektif dan PTS serta perkembangan BT bukan hanya dapat dipantau bahkan turut dapat disalur dan dihebahkan (Bukti 1.5 a).

Pemakluman program-program BT yang dilaksanakan di FF **dihebahkan kepada seluruh warga FF** melalui emel dan pemajuan mesej melalui aplikasi komunikasi sosial agar berjaya meraih penyertaan dan sokongan daripada warga FF. Perkara ini membuktikan komitmen Pengurusan Kanan FF dalam memberi maklum kepada warga FF mengenai hala tuju FF yang selaras dengan aspirasi UiTM. Selain itu kepentingan BT sebagai salah satu elemen objektif kualiti FF turut diwar-warkan secara fizikal melalui poster yang tertera di papan kenyataan di sekitar premis FF. Melalui hebahan ini juga, warga FF dapat didedahkan kepada kepentingan setiap warga dalam memainkan peranan mencapai matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 (Bukti 1.5 b).

Selain itu, pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancang turut dilakukan melalui hebahan di **media sosial dan laman sesawang rasmi FF** yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga FF sahaja (Bukti 1.5 c). Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

Pengurusan Kanan FF TELAH membuktikan kecemerlangan dalam pembudayaan objektif strategik dan inisiatif strategik BT dengan pencapaian cemerlang **100% bagi 11 daripada 14 petunjuk prestasi FF 2023** yang melibatkan teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (Bukti 1.5 d). Komitmen Pengurusan Kanan FF dalam pembudayaan objektif dan inisiatif strategik BT telah berjaya dimanifestasikan dengan **pencapaian cemerlang FF** dalam merangkul beberapa anugerah dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023) dalam Anugerah Pelan Strategik Terbaik (KPI Tinggi, SAP Tinggi), Anugerah 2023 *Helen Clark-Journal of Pharmaceutical Policy and Practice (JoPPP) for Pharmaceutical Policy and Practice Research* dan Anugerah Kecemerlangan Majlis Dekan Farmasi (MDF 2023) bagi Kategori Penyelidikan. Amalan dan **pembudayaan BT ke peringkat luar UiTM** juga TELAH dicapai dengan kejayaan FF memperoleh dua geran *Community Engagement – Social Innovation Research* (CE-SIR) yang merupakan geran penyelidikan berorientasikan pemindahan ilmu dan pembangunan inovasi sosial **kepada masyarakat**. Selain itu, pencapaian cemerlang **inovasi dan potensi pengkomersilan** turut dicapai dengan pemfailan paten oleh penyelidik FF (Bukti 1.5 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF TELAH membudayakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi BT dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan untuk dijalankan **sehingga ke peringkat luar UiTM**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB05_20241_1.5 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB05_20242_1.5 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB05_20243_1.5 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB05_20244_1.5 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB05_20245_1.5 e.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik UiTM 2025 telah dirangka berlandaskan beberapa inisiatif strategik yang penting untuk pembangunan pendidikan dan negara. Ianya termasuk Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, *National Policy on Industry 4.0*, Matlamat Pembangunan Lestari (*SDGs - Sustainable Development Goals*), **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030** (*Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE-10 on 10)*). Pelan ini turut berpaksikan kepada tiga (3) teras strategik utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Kesemuanya ini bermatlamat untuk menjadikan UiTM bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang tahun 2025.

Justeru, **FF TELAH MERANCANG** dan **MERANGKA Pelan Perancangan Strategik FF bagi tempoh 2021-2025** diformulasi selaras dengan Pelan Strategik UiTM2025. Untuk ini, Bengkel Pelan Perancangan Strategik Bilangan ke-6 TELAH diadakan pada 15 – 16 Februari 2023 bertempat di Galeri Fakulti Farmasi bagi menyediakan **Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021-2025) (Bil.6) Fakulti Farmasi** untuk jangkamasa lima (5) tahun, termasuklah membuat semakan semula pencapaian objektif kualiti fakulti. Buku ini terus ditambah baik dalam bengkel Pelan Perancangan Strategik Bilangan ke-7. Hasil daripada bengkel ini, *Buku Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy, Universiti Teknologi MARA (UiTM)* TELAH dikatalog dengan nombor ISBN 978-629-96995-2-1 oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan TELAH disebarluaskan kepada semua warga fakulti dengan pautan ke laman sesawang fakulti.

Selaras dengan Bidang Tumpuan (BT), FF TELAH mendokong aspirasi universiti dalam mencapai kecemerlangan global secara memperkasa aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ke arah pencapaian 6 STAR MyRA menjelang 2025. Untuk ini, **FF TELAH MELAKSANAKAN Pelan Tindakan Strategik (PTS)** yang mengandungi **DUA (2) inisiatif strategik** iaitu **1) Prolifac: PROMoting impactful pubLications From academiCs**, berobjektif meningkatkan bilangan ahli fakulti yang menerbitkan artikel di dalam jurnal yang berkualiti tinggi dan berimpak kepada masyarakat. **2) Excel: Expand ResearCh to the nExt Level** berobjektif meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh ahli fakulti, daripada badan pembiayaan tempatan dan penaja antarabangsa serta industri. Bagi mencapai DUA (2) PTS BT ini, **FF TELAH MELAKSANAKAN** beberapa aktiviti yang mana setiap aktiviti ini TELAH dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) mengikut ketetapan hala tuju strategik fakulti yang selaras dengan PI utama BTU.

Dari aspek **PEMANTAUAN** status pelaksanaan dan pencapaian BT, Pengarah Projek TELAH membuat pembentangan secara berkala kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti pada setiap bulan. **HASIL ANALISA** data pelaporan TELAH digunakan untuk **PENAMBAHBAIKAN** melalui perbincangan di mesyuarat Fakulti. Risiko strategik turut dibentangkan untuk tindakan pencegahan. Hasil analisa dan penambahbaikan telah disebarluaskan FF secara sistematik.

FF juga **TELAH MEMBUDAYAKAN** BT bukan sahaja di fakulti malahan merentasi peringkat global. FF telah mengguguli pelbagai anugerah di peringkat UiTM (AKPU 2023), dan di peringkat antarabangsa, nama UiTM FF TELAH berjaya dilonjakkan di persada dunia melalui penganugerahan *Top 300* di dalam *QS World University Rankings by Subject 2024: Pharmacy & Pharmacology*. Warga FF juga merangkul pelbagai **PENGIKTIRAFAN GLOBAL** hasil daripada BT.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras dengan BT, perancangan strategik jangka panjang FF (5 tahun) TELAH diformulasi dan didokumen di dalam *Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima tahun (2021-2025) (Bil.6) Fakulti Farmasi* untuk inisiatif tahun 2023 (Bukti 2.2 a). Buku ini kemudiannya TELAH disemak semula semasa bengkel Pelan Perancangan Strategik Bilangan ke-7 bagi melaporkan pencapaian BT pada tahun 2023 serta menambah baik inisiatif, strategi dan pendekatan keseluruhan pencapaian strategik bagi mencapai objektif dan aspirasi UiTM.

PENDEKATAN 1:

FF TELAH membuat perancangan secara **SISTEMATIK** melalui pelaksanaan PTS yang **mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi**. FF TELAH menggunakan pendekatan proses semak semula dan tambah baik PTS **BT: Prolific dan ExceL**. Elemen INOVASI adalah merujuk kepada penumpuan kompetensi terhadap kumpulan sasaran dengan tujuan menghasilkan artikel yang berimpak tinggi dengan pendekatan kreatif dan strategik, sebagai contoh penubuhan Jawatankuasa *Globally Renowned Institutional Team (GRIT)* yang dipimpin oleh Prof. Dr. Wong Tin Wui telah mengenalpasti kumpulan sasaran dan memberi bimbingan secara individu bagi meningkatkan kualiti jurnal dan kebolehtampakan penyelidikan dalam bidang farmasi dan farmakologi (Bukti 2.2 b) . **Perancangan dibuat secara sistematik dengan mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi yang terhasil. Malahan tujuh utama PTS BT 2023 mensasarkan penarafan FF sejajar dengan GRU2025.**

DUA (2) inisiatif strategik dan objektif pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- a) *Prolific*: Merupakan **inisiatif** projek yang dirangka dengan **objektif** untuk membudayakan penulisan bahan ilmiah/artikel penyelidikan dan menambah baik penulisan akademik serta meningkatkan kedudukan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi.
- b) *ExceL*: Merupakan **inisiatif** projek yang dirangka untuk menjalankan siri bengkel kajian semula cadangan penyelidikan dan mengemukakan geran antarabangsa/ kebangsaan/ industri berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri tempatan dan antarabangsa.

Terdapat beberapa program iaitu *FRGS Write2Win Clinic 3, Write2Flourish Workshop, AI Tools for Efficient Academic Writing* dan *Write2Gether Workshop* yang menyokong 2 inisiatif strategik ini. Setiap program mempunyai seorang Pengurus Projek dan beberapa orang ahli pasukan yang bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan, pengumpulan data dan pencapaian cemerlang setiap aktiviti. Aktiviti yang dijalankan TELAH dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) selaras dengan petunjuk prestasi (PI) utama BTU (Bukti 2.2 c).

PENDEKATAN 2:

PENDEKATAN SISTEMATIK yang seterusnya adalah dengan dengan mewujudkan, melaksana, memantau, menganalisa data pengukuran pencapaian, melaksanakan proses semak semula dan tambah baik Objektif Kualiti FF yang berkaitan (Bukti 2.2 d).

Dua (2) inisiatif utama dan Objektif Kualiti FF BT TELAH dilaksanakan melalui siri pemantauan dan analisa pencapaian kesemua inisiatif utama BT dan Objektif Kualiti FF di agenda Mesyuarat pengurusan FF (Bukti 2.2 e) dan Mesyuarat Pelan Strategik Bil. 5 (2021-2025) (Bukti 2.2 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan, **Perancangan FF TELAH dibuat secara sistematik dengan mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi** melalui pendekatan perancangan strategik melibatkan **2 PTS** selaras dengan BT.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_P01_PB02_20241_Bukti 2.2 a.pdf](#)

2. [F0046_P01_PB02_20242_Bukti 2.2 b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB02_20243_Bukti 2.2 c.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB02_20244_Bukti 2.2 d.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB02_20245_Bukti 2.2 e.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Formulasi objektif dan inisiatif strategik FF yang selari dengan BT **TELAH DILAKSANAKAN** sejajar dengan aspirasi, hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian universiti. Antara garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian, kerajaan negeri yang digunakan adalah Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersejarah 2030, *National Policy on Industry 4.0*, Matlamat Pembangunan Lestari (*SDGs - Sustainable Development Goals*) dan *Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (Me Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE-10 on 10))*. Manakala di peringkat fakulti khususnya, **FF TELAH MELAKSANAKAN** Pelan Perancangan Strategik FF yang selari dengan Pelan Strategik UiTM2025. Kesemua garis panduan di atas adalah merupakan nukleus kepada PELAKSANAAN Pelan Strategik FF Bil 5. Dan Bil 6. yang **TELAH DIKEMASKINI** di Strategik terkini iaitu Strategic Plan 2024 – 2025 Faculty of Pharmacy, Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Bukti 2.3 a).

Bagi merealisasikan BT yang selari dengan Pelan Strategik UiTM2025, **FF TELAH MELAKSANAKAN 2 inisiatif strategik PTS BT FF** yang berlandaskan *Key Initiatives* tema strategi iaitu *Translational Research Development, Innovation and Commercialisation* seperti berikut:

- a) Projek mempertingkatkan penglibatan dalam penerbitan akademik dalam bidang farmasi dan kesihatan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu. Inisiatif ini **TELAH DILAKSANAKAN** di FF. Antara aktiviti yang dijalankan adalah bengkel *Write2Flourish* (<https://pharmacy.uitm.edu.my/index.php/component/content/article/35-research/research-activities/403-write2flourish?Itemid=101>), *The Write2gether Initiative: Boosting Publication Among Lecturers* (<https://pharmacy.uitm.edu.my/index.php/component/content/article/35-research/research-activities/457-the-write2gether-initiative-boosting-publication-and-authorship-among-lecturers>) dan penerbitan *International Journal of Pharmaceuticals, Nutraceuticals and Cosmetic Science* (IJPNACS) (Bukti 2.3 b (i)).
- b) Siri bengkel kajian semula cadangan penyelidikan dan mengemukakan geran antarabangsa/ kebangsaan/ industri berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri antarabangsa. Projek ini **TELAH DILAKSANAKAN** di FF melalui aktiviti *FRGS Write2Win Clinic 3* (Bukti 2.3 b (ii)).
- c) Jalanan rangkaian dan kerjasama bersama penyelidikan dengan industri dan antarabangsa **TELAH DILAKSANAKAN** melalui projek *Pharmacy Invention, Innovation, and Design (PharmIiDEX 2023)* dan melalui penyertaan FF di dalam projek *the UiTM Selangor Branch (UCS) Innovation Carnival 2023* (Bukti 2.3 b (iii)).

FF TELAH MENYERBARLUAS PELAKSANAAN objektif dan inisiatif strategik (PENDEKATAN) BT kepada warga FF secara sistematik melalui beberapa siri Mesyuarat Fakulti (E Mesyuarat Pengurusan (Bukti 2.3 c (ii)), Amanat Dekan (Bukti 2.2 d) dan pemakluman pencapaian Pensejajaran Perancangan Strategik FF di laman sesawang rasmi FF dari semasa (<https://pharmacy.uitm.edu.my/index.php/discover-us/strategic-planning/achievement>). Sebagai langkah proaktif, pemakluman pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategi disebarluaskan di peringkat keseluruhan sistem UiTM dengan memuatnaik hebahkan aktiviti BT melalui emel kepada seluruh warga UiTM (Bukti 2.3 e (i)) dan di media sosial seperti laman Rasmi FF dan QS-GEN (Bukti 2.3 e (ii)), UiTM Newshub dan *Prescription e-newsletter* (Bukti 2.3 e (iii)).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik FF **TELAH** dibuat sejajar dengan aspirasi universiti dan negara, yang **TELAH** berada pada tahap pelaksanaan yang meluas ke padakeluruhan sistem UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB03_20241_Bukti_2.3_a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB03_20242_Bukti_2.3_b\(i\)-b\(iii\).pdf](#)
3. [F0046_P01_PB03_20243_Bukti_2.3_c\(i\)-2.3_c\(ii\).pdf](#)
4. [F0046_P01_PB03_20244_Bukti_2.3_d.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB03_20245_Bukti_2.3_e\(i\)-2.3_e\(iii\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semakan semula perancangan strategik (PS) semasa Bengkel Pelan Strategik Bil. 6 (2021-2025) TELAH menghasilkan DUA (2) inisiatif strategik beserta objektif bagi mencapai 13 petunjuk prestasi (PI) di bawah seliaan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) (TD P&I) (Bukti 2.4.1 a). FF TELAH menjalankan PEMANTAUAN terhadap pelaksanaan inisiatif utama tersebut dan perluasan SAP dengan menggunakan mekanisme-mekanisme berikut:

Mekanisme 1 – PEMANTAUAN pencapaian & keberkesanan program inisiatif utama berdasarkan pelaporan pencapaian yang melibatkan 13 PI di bawah peneraju TD P&I. Pengumpulan data pencapaian setiap 13 PI yang TELAH disahkan oleh pemegang PI bidang tumpuan dan seterusnya dilapor kepada setiap PTJ oleh BTU (2.4.1 b). Data pencapaian ini TELAH digunakan dalam perbincangan bagi mencapai keputusan kolektif dan penambahbaikan bagi setiap risiko dan permasalahan yang timbul. Ini dilakukan bagi memastikan hasil inisiatif yang TELAH dirangka mencapai sasaran selaras dengan aspirasi dan teras strategik universiti.

Mekanisme 2 - Pemantauan berkala pencapaian inisiatif utama dan objektif strategik dilakukan oleh TD P&I dan Penyelaras Strategik dan Transformasi (PSTU) FF dibincangkan dan diambil tindakan melalui Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF (Bukti 2.4.1 c) yang dihadiri oleh Pengurusan Kanan FF.

Mekanisme 3 – Inisiatif utama yang TELAH dijalankan telah DIPERLUASKAN maklumat kepada semua pensyarah melalui ketua jabatan dan TD P&I melalui pelaksanaan bengkel strategik, mesyuarat di peringkat fakulti dan jabatan, serta komunikasi secara atas talian seperti emel rasmi UiTM dan kumpulan *Whatsapp* (Bukti 2.4.1 d) bagi memastikan PEMANTAUAN gerak kerja secara dasar dilaksanakan dan disumbangkan oleh semua pensyarah.

Mekanisme 4 - PEMANTAUAN berdasarkan hasil dapatan audit. Hasil pemantauan telah dianalisa dan **PENAMBAHBAIKAN** telah dilakukan terhadap hasil dapatan audit. Sehubungan itu, berdasarkan laporan audit pada 2023, tiada sebarang penemuan ketidakpatuhan yang dilaporkan berhubung BT dalam Audit Dalam dan Audit Penilaian Luar 2023 (Bukti 2.4.1 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH **melaksanakan pelan pemantauan terhadap objektif dan inisiatif strategik. Hasil pemantauan dianalisa dan penambahbaikan dilakukan** melibatkan semua kumpulan sasar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_P01_PB04_PC01_20241_Bukti 2.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC01_20242_Bukti 2.4.1 b- Mekanisma 1 Pemantauan dan Penganalisan data data BTU.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC01_20243_Bukti 2.4.1 c- Mekanisma 2 Pemantauan dan Pembentangan di Mesyuarat.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB04_PC01_20244_Bukti 2.4.1 d- Mekanisma 3 Pemantauan dan Penyebaran Ketua Jabatan dan Pensyarah.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC01_20245_Bukti 2.4.1 e- Mekanisma 4 Pemantauan berdasarkan hasil dapatan audit.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Faktor-faktor **risiko dan punca risiko** serta **tindakan pencegahan** yang mempengaruhi pencapaian sasaran **DUA (2)** PTS BT TELAH dikenalpasti menerusi analisa SWOT (2.4.2 a (i)) semasa Bengkel Perancangan Strategik FF. Selain itu, risiko, punca risiko dan tindakan pencegahan BT TELAH didaftarkan dalam Daftar Risiko FF Tahun 2023 di *Electronic Risk Management System* (e-RMS). Risiko ini didaftar kerana ia memberi ancaman kepada kepada persekitaran ruang makmal, termasuk kesihatan para penyelidik dan peralatan makmal. Di samping itu, pelantikan Encik Mohd Alimukhti Mansor (Bukti 2.4.2 a (ii)), sebagai Penyelaras Pengurusan Risiko bertanggungjawab mengenalpasti dan memantau status risiko secara berterusan dan melaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Fakulti dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Fakulti Farmasi (SOSHCO) (Bil. 1/2023). (Bukti 2.4.2 a (iii)).

Kedua-dua PTS BT mempunyai kategori risiko utama yang boleh menyebabkan aktiviti penyelidikan tergendala, dan seterusnya meningkatkan kekangan dalam pencapaian penyelidikan.

Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada risiko utama seperti (1) kekurangan bilangan penerbitan berindeks dan berimpak tinggi serta jumlah sitasi dalam kalangan staf (2) bilangan geran penyelidikan berimpak tinggi yang rendah dan (3) kurang sokongan dalam ekosistem penyelidikan (Bukti 2.4.2 b).

Bagi faktor risiko pertama (1), FF TELAH mengambil **LANGKAH PENAMBAHBAIKAN** dengan menganjurkan aktiviti untuk meningkatkan kemahiran penulisan artikel berimpak seperti *The Write2gether Initiative: Boosting Publication and Authorship Among Lecturers* (<https://shorturl.at/SKmlC>) (Bukti 2.4.2 c).

Bagi faktor risiko kedua (2), Pengurusan Kanan FF TELAH mengambil **INISIATIF PENAMBAHBAIKAN** menganjurkan seminar penulisan kertas cadangan geran penyelidikan FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) seperti *FRGS Write2Win Clinic 3* untuk memperkasa penulisan proposal geran dalam memberi sokongan dalam ekosistem penyelidikan (Bukti 2.4.2 d).

Bagi risiko ketiga (3), Pengurusan Kanan FF TELAH mengambil **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** dengan pemasangan *insulation foam* dan mengecat semula dengan cat anti kulat bagi menyediakan ruangan makmal penyelidikan yang kondusif serta memberikan pengiktirafan serta penghargaan bagi meningkatkan motivasi staf yang berhasil memenuhi Petunjuk Prestasi BT. (Bukti 2.4.2 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, **Daftar Risiko telah didaftar, dinilai dan dianalisa. Tindakan pencegahan dan penambahbaikan telah diambil** oleh Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF bagi meningkatkan dan menambah baik pengurusan risiko di FF.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB04_PC02_20241_Bukti_2.4.2_a_\(i\)-\(iii\)-Kenalpasti_Risiko_Objektif_dan_Inisitif_Strategik_BT.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC02_20242_Bukti_2.4.2_b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC02_20243_Bukti_2.4.2_c.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB04_PC02_20244_Bukti_2.4.2_d.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC02_20245_Bukti_2.4.2_e.pdf](#)

2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan dan penganalisaan setiap objektif dan inisiatif strategik BT TELAH dijalankan secara konsisten dan **DIBINCANGKAN** di dalam setiap Mesyuarat Pengurusan FF, Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF dan Majlis Amanat Dekan 2023. Mesyuarat tersebut **TELAH MENGKAJI SEMULA** faktor-faktor kelemahan dan risiko yang di hadapi dalam pelaksanaan inisiatif strategik tersebut (Bukti 2.4.3 a). Perbincangan cadangan **PENAMBAHBAIKAN** telah dijalankan dan diputuskan serta diambil untuk tindakan susulan oleh pensyarah FF selaku kumpulan sasaran untuk memberi sumbangan dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik BT. Pencapaian inisiatif BT termasuk data peratusan pencapaian petunjuk prestasi BT bagi tahun terdahulu (2022) **TELAH dianalisa, disemak semula dan ditambah baik** semasa Bengkel PS (2021-2025) (BUKTI 2.4.3 b).

Penyelaras Strategik dan Transformasi (PSTU) FF TELAH membuat kompilasi pengisian mesyuarat dan bengkel secara sistematik masing-masing di dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik FF Bil.5 dan Bil.6 dan mengemaskini di dalam buku pelan strategik terbaru yang merangkumi pelan strategik sehingga tahun 2025 yang bertajuk *Strategic Plan 2024-225 Faculty of Pharmacy, UiTM* yang telah dikatalog dengan nombor ISBN 978-629-96995-2-1 (BUKTI 2.4.3 b). PSTU FF kemudiannya TELAH membuat hebahan untuk **berkongsi dan menyebarkan** laporan pencapaian prestasi inisiatif utama (termasuk 2 inisiatif strategik B di laman sesawang rasmi FF (BUKTI 2.4.3 c (i)) serta Buku Pensejajaran Perancangan Strategik dengan warga FF melalui emel (Bukti 2.4.3 c (ii)). Laporan dan buku tersebut juga TELAH dimuatnaik di laman sesawang rasmi FF untuk rujukan warga FF, UiTM dan pelayar laman sesawang FF.

Hasil laporan prestasi bulanan BT FF oleh pihak BTU, boleh dirujuk melalui laman sesawang berikut:

1. <https://rb.gy/c3faty> (Bukti 2.4.3 d (i)).
2. <https://proms.uitm.edu.my/uitm2025/SitePages/UiTM2025%20Strategic%20Plan%20Landing%20Page.aspx> (Bukti 2.4.3 d (ii)).

Manakala strategi, objektif dan kemajuan berkala PTS dilaporkan dan dikemaskini di dalam laman sesawang berikut:- <https://uisms.uitm.edu.my> (Bukti 2.4.3 e). Sehubungan itu, FF dapat memantau status kemajuan P dengan lebih berkesan.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH membuat pemantauan terhadap hasil pelaksanaan dan status pencapaian inisiatif-inisiatif strategik BT. **Hasil penganalisaan diambil tindakan dengan efisien dan efektif.** Data dan maklumat yang diperolehi dari hasil pemantauan TELAH dianalisa, dikaji semula, ditambahbaik dan **dikongsikan kepada warga jabatan** dan pemegang taruh (2.4.3 c-e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB04_PC03_20241_Bukti_2.4.3_a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC03_20242_Bukti_2.4.3_b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC03_20243_Bukti_2.4.3_c\(i\) - c\(ii\).pdf](#)
4. [F0046_P01_PB04_PC03_20244_Bukti_2.4.3_d\(i\)-d\(ii\).pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC03_20245_Bukti_2.4.3_e.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FF melalui pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik, TELAH berjaya mewujudkan dan **MEMBUDAYAKAN** Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan di kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik di fakulti. Hal ini dibuktikan melalui kecemerlangan program-program yang telah mencapai 100% sasaran seperti yang diperturunkan oleh BTU kepada FF. **PENCAPAIAN CEMERLANG SASARAN BT** juga menjadi teladan bagi kecemerlangan UiTM apabila FF telah dianugerahkan beberapa anugerah pencapaian cemerlang BT bagi tahun 2023 (Bukti 2.5 a).

Melalui pelaksanaan inisiatif strategik tersebut juga telah **MEMBUDAYAKAN** aktiviti Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan sehingga melonjakkan nama UiTM di persada dunia melalui penganugerahan *Top 301-350 University Antarabangsa* di dalam *QS World University Rankings by Subject 2022 and 2023: Pharmacy & Pharmacology* dan kecemerlangan terus dilonjakkan dengan penganugerahan *Top 300* di dalam *QS World University Rankings by Subject 2024: Pharmacy & Pharmacology* (Bukti 2.5 b).

FF juga berjaya **MEMBUDAYAKAN BT** di kalangan kakitangan FF melalui salah satu inisiatif strategik dengan penganjuran Majlis Sanggar Sanjung 2023 yang TELAH meraikan keseluruhan kakitangan FF dengan menghargai sumbangan bakti di dalam BT Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan pada tahun 2023 yang membawa kecemerlangan FF dan juga UiTM di peringkat global seiring dengan sasaran UiTM untuk menjadi *Globally Renowned, Locally Rooted University* pada tahun 2025 (Bukti 2.5 c).

Pelaksanaan inisiatif strategik BT TELAH berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui *World's Top 2% Scientists (Career Long Achievement)* iaitu Prof Dr Wong Tin Wui, *World's Top 2% Scientists (Single Year Achievement)* Prof Dr Kalavathy Ramasamy, Prof Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed, 2023 Helen Clark - Journal of Pharmaceutical Policy and Practice (JoPPP) Award, dan Prof Dr Teh Lay Kek diiktiraf sebagai Anugerah Tokoh Penyelidik 2023. Kecemerlangan mereka TELAH menjadikan mereka sebagai ikon dan idola yang sangat disegani oleh penyelidik-penyelidik *junior* dan *senior* di peringkat warga FF, UiTM, negara dan antarabangsa (Bukti 2.5 d). Kepakaran mereka **TELAH MENGHARMONI** proses-proses, perancangan, ukuran-ukuran, tindakan-tindakan, dan hasil yang menzahirkan keberkesanan dan kecekapan FF dari aspek penyelidikan, perundingan, penerbitan dan pengkomersilan. Keberkesanan terbukti apabila terdapat penambahan penulis FF yang disenaraikan didalam *Top UiTM Q1 and Q2 Authors 2023* iaitu PM. Dr. Syed Adnan, PM. Dr. Mathumalar, PM. Dr. Shahezwan dan PM. Dr. Fazlin (Bukti 2.5 e: <https://rb.gy/2h8qf2>). **Keharmonian** TELAH dapat dicapai kerana mereka TELAH secara konsisten **MEMBUDAYAKAN** peranan mereka sebagai mentor dan pakar rujuk terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan yang mampu menyemarakkan semangat kepada penyelidik-penyelidik diperingkat FF, UiTM dan luar UiTM untuk bergiat aktif dan maju di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, **amalan dan pembudayaan di peringkat luar UiTM** yang terhasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik BT TELAH memacu FF dalam merealisasikan UiTM sebagai *Globally Renowned, Locally Rooted University* pada tahun 2025. Pencapaian di dalam BT melalui penyelidikan berimpak tinggi, penerbitan di jumlah penerbitan jurnal berindeks di Q1 dan Q2, jumlah perolehan geran kebangsaan, antarabangsa dan industri serta **PENGIKTIRAFAN GLOBAL** *World's Top 2% Scientists* di FF telah menjadi satu kekuatan yang memartabatkan UiTM di persada antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB05_20241_Bukti 2.5 a - Integrasi Pembudayaan terhadap Pencapaian BT \(1\).pdf](#)

2. [F0046_P01_PB05_20242_Bukti 2.5 b - Integrasi Pembudayaan Menghasilkan Top 501 QS Ranking by Subjects \(1\).pdf](#)
3. [F0046_P01_PB05_20243_Bukti 2.5 c - Integrasi Pembudayaan dengan Penganjuran Majlis Anugerah.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB05_20244_Bukti 2.5 d - Integrasi Pembudayaan Menghasilkan Top Scientists.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB05_20245_Bukti 2.5 e - Integrasi Pembudayaan Menghasilkan Top UiTM Q1 Q2 Authors.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

APPROACH: Pelanggan atau kumpulan sasaran BT adalah staf UiTM (dalam dan luar FF), Pelajar (dalam dan luar FF), Penyelidik (dalam dan luar FF), Komuniti, Masyarakat, Industri dan Kerajaan, Syarikat Pembekal, dan Rakan Usahasama. Pengurusan FF TELAH menitikberatkan kepuasan semua pelanggan BT. Oleh itu, FF TELAH memastikan **PERANCANGAN (PLAN) program-program bagi pelanggan BT dibuat secara SISTEMATIK mengikut Pelan Tindakan Strategik (PTS)** yang didokumentasi di dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021-2025) Bil. 6. Buku ini TELAH dirangka berpandukan Pelan Strategik UiTM 2025, selaras dengan aspirasi UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University* menjelang tahun 2025 dan aspirasi negara untuk mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Justeru, FF TELAH **MERANCANG** projek-projek BT dengan **memastikan penglibatan kumpulan sasaran** secara menyeluruh di dalam **DUA inisiatif strategik** BT iaitu 1) **Prolific** dan 2) **ExceL** bagi memperkasa BT.

Elemen **INOVASI** amat dititikberatkan di dalam **PERANCANGAN** sebagai pemangkin kecemerlangan pencapaian **pelanggan** BT. Justeru, **inovasi digital TELAH** dibangunkan oleh pelanggan BT untuk 1) memudahkan akses pelanggan BT terhadap kemudahan infrastruktur yang sihat dan selamat bagi menyokong aktiviti penyelidikan (iLISS dan F-SIST) dan 2) melebarkan perkongsian pengetahuan program dan pencapaian BT (*Prescription e-newsletter* dan IJPNaCS).

DEPLOYMENT: FF TELAH **MELAKSANAKAN (DO)** program-program perkongsian ilmu dengan **melibatkan kumpulan sasaran** dalam inisiatif strategik **Prolific** yang berfokus untuk 1) meningkatkan kompetensi penyelidik/pelajar/staf untuk menjana artikel ilmiah berkualiti merangkumi bahan bacaan saintifik, penulisan akademik dan penerbitan berindeks. Ini termasuk memperkasa bidang farmasi dan farmakologi sehingga diktiraf diperingkat nasional dan antarabangsa, antaranya melalui perkongsian kepakaran penyelidik/pelajar/staf bersama-sama komuniti. Inisiatif **ExceL** pula TELAH meningkatkan kompetensi penyelidik/pelajar/staf untuk menjana kertas cadangan penyelidikan berkualiti. **PELAKSANAAN** program-program BT TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** (di dalam dan luar FF termasuk di keseluruhan UiTM, pelbagai institusi luar di peringkat nasional mahupun antarabangsa). Kesemua maklumat pelanggan yang terlibat TELAH **dikumpul, disimpan dan dapat dikenalpasti** melalui laporan-laporan maklumbalas program.

LEARNING: Mekanisme **PEMANTAUAN (CHECK)** keberkesanan pelaksanaan projek-projek BT TELAH melihat kepada manfaat yang diperolehi dan maklumbalas pelanggan BT yang dinyatakan di dalam laporan-laporan program selain pelbagai saluran maklumbalas lain yang terdapat di FF. Data-data pemantauan TELAH **dikumpul dan dianalisa** secara **SISTEMATIK**, serta digunakan dengan **berkesan** bagi tujuan **perbincangan dan kajisemula pengurusan** di mesyuarat *post-mortem* program untuk mengenalpasti **PENAMBAHBAIKAN (ACT)** pada masa yang akan datang. **FF TELAH MENGENALPASTI RISIKO** yang berpotensi menjejaskan pelaksanaan dan pencapaian program BT yang mana risiko ini TELAH didaftar di dalam **Daftar Risiko UiTM**. Persekitaran penyelidikan yang kondusif, efisien dan selamat bagi pelanggan BT TELAH dititikberatkan untuk mencapai hasil BT yang cemerlang. Risiko ketara pelaksanaan BT adalah isu serangan kulat di persekitaran tempat pelanggan BT menjalankan penyelidikan sehingga menyebabkan limitasi pergerakan dan akses pelanggan BT kepada kemudahan-kemudahan penyelidikan yang berpotensi menjejaskan hasil pencapaian BT. Justeru itu, bagi pengawalan penularan kulat dan mencapai sasaran BT, **TINDAKAN PENCEGAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN (ACTION)** TELAH diambil secara memodifikasi infrastruktur dan membangunkan aplikasi digital.

INTEGRATION: Penggunaan inovasi digital TELAH menjadi **AMALAN** semasa menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan di makmal dan semasa melaksanakan program-program perkongsian ilmu dan kepakaran secara *virtual*. Ini TELAH berjaya meningkatkan penglibatan

lebih ramai kumpulan sasaran BT sehingga ke **peringkat luar UiTM**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat 3 kategori pelanggan FF iaitu Pelanggan Dalaman, Pelanggan Luaran FF dan Pelanggan BT. **Kumpulan sasaran BT** adalah merujuk kepada Pelanggan BT sepertimana yang tersenarai dalam **Bukti 3.2 a**.

FF TELAH membuat **PERANCANGAN** yang **SISTEMATIK** semasa membangunkan program-program yang melibatkan pelanggan BT, agar ianya selari dengan **Pelan Tindakan Strategik (PTS)** yang didokumentasi di dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021-2025) Bil. 6. Buku ini TELAH dirangka berdasarkan garis panduan **di peringkat universiti** (Pelan Strategik UiTM 2025) yang selaras dengan aspirasi UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University* menjelang tahun 2025 dan aspirasi negara untuk mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (**Bukti 3.2 b-1**).

PERANCANGAN projek BT tahun 2023 TELAH turut mengambil kira **PENILAIAN** terhadap **pencapaian PI** berkaitan BT pada tahun sebelumnya (2022) termasuk cadangan penyelesaian yang TELAH dibincang bagi tujuan **PENAMBAHBAIKAN** (**Bukti 3.2 b-2**). Justeru, inisiatif strategik Excel TELAH dicadangkan berdasarkan **PENILAIAN** pencapaian PI di bawah 100% (68.7%). Selain itu, **PERANCANGAN** TELAH dibuat berdasarkan **PENILAIAN** terhadap **analisa SWOT** program penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan di FF (**Bukti 3.2 b-3**) yang seterusnya TELAH memberi tumpuan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti berkait BT.

Berdasarkan perkara di atas, FF TELAH memfokuskan **kumpulan sasaran BT** kepada DUA (2) inisiatif strategik iaitu **Prolific** dan **Excel** (**Bukti 3.2 c**). Program-program BT TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** (dari dalam dan luar FF termasuk keseluruhan UiTM dan pelbagai institusi luar UiTM diperingkat nasional mahupun antarabangsa) secara komprehensif di dalam sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi: 1) meningkatkan kompetensi penyelidik untuk menjana artikel ilmiah berkualiti serta meningkatkan kedudukan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi – **Prolific**; 2) meningkatkan kompetensi penyelidik untuk menjana kertas cadangan penyelidikan berkualiti - **Excel** (**Bukti 3.2 d-1-10**).

PERANCANGAN untuk **pelanggan BT** TELAH memasukkan elemen **INOVASI** melalui pembangunan dan aplikasi **inovasi digital** untuk: 1) memudahkan akses pelanggan BT terhadap kemudahan infrastruktur yang sihat dan selamat bagi yang menyokong aktiviti penyelidikan (melalui iLISS dan F-SIST) dan 2) melebarkan perkongsian pengetahuan penyelidikan (melalui *Prescription e-newsletter*) yang mana kesemuanya ini TELAH menjadi pemangkin kecemerlangan pencapaian **pelanggan BT**.

Inovasi aplikasi digital iLISS (**Bukti 3.2 e-1**) dan F-SIST (**Bukti 3.2 e-2**) TELAH dimanfaatkan oleh pengguna dalam dan luar FF (pelajar, pensyarah, penyelidik dan pihak industri) untuk membuat kajian di makmal penyelidikan dengan lebih efisien apabila carian bahan-bahan kimia, *consumables* dan inventori serta instrumen di makmal-makmal FF TELAH dapat dibuat secara cepat, tepat dan komprehensif. Manakala, inovasi *Prescription e-newsletter* (PN) yang diterbitkan secara bulanan TELAH digunakan sebagai sebagai *platform* hebahan informasi terkini aktiviti-aktiviti dan pencapaian BT kepada staf, pelajar, alumni, dan pihak berkepentingan. PN turut menghubungkan FF dengan komuniti dalam dan luar FF melalui perkongsian profil kakitangan, fasiliti, ulasan program dan peluang kerjasama yang mana kesemuanya ini amat penting untuk pencapaian BT yang cemerlang. Kandungan PN bukanlah sekadar perkataan tetapi turut merangkumi media visual bergerak untuk lebih menarik perhatian pembaca (**Bukti 3.2 e-3**).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF TELAH mengenalpasti kumpulan sasaran/pelanggan BT. Perancangan terhadap pelanggan BT TELAH dibuat secara **SISTEMATIK** berpandukan kepada garis panduan di peringkat universiti dan negara yang mengambilkira elemen **PENILAIAN, PENAMBAHBAIKAN DAN INOVASI**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_T01_TB02_20241_FF_3.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB02_20242_FF_3.2b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB02_20243_FF_3.2c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB02_20244_FF_3.2d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB02_20245_FF_3.2e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data-data pelanggan TELAH **dikumpul, disimpan dan dikenalpasti** melalui laporan-laporan maklumbalas program termasuk maklumat daripada analisis borang kaji selidik, minit-minit mesyuarat, kertas cadangan program dan laporan latihan kakitangan (**Bukti 3.3 a 1-3**).

PELAKSANAAN program-program/projek BT TELAH melibatkan kumpulan sasaran (pelanggan BT) yang berfokus kepada DUA (2) inisiatif strategik utama BT (Bukti 3.3 b 1, 2, 3) iaitu 1) Prolific: dan 2) Excel.

Inisiatif strategik Prolific TELAH **melibatkan kumpulan sasaran BT di sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi meningkatkan kompetensi** penerbitan artikel penyelidikan yang **berkualiti**. Aktiviti-aktiviti berikut TELAH dianjurkan oleh FF dengan **melibatkan kumpulan sasaran BT di kalangan** staf akademik dan bukan akademik, pelajar siswazah dan pascasiswazah dari pelbagai fakulti dan cawangan seluruh UiTM:

1. *Write2gether* dan *Write2Flourish Talk Series* (**Bukti 3.3 c-1**)
2. *Write2Flourish Workshop 1* (**Bukti 3.3 c-2**)
3. *Lets Write2gether Workshop* (**Bukti 3.3 c-3**)

Bagi meningkatkan kedudukan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi:

4. FF TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu staf akademik dan pelajar pascasiswazah FF di **sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi melatih penggunaan instrumen penyelidikan di webinar HPLC (Bukti 3.3 c-4) dan Image Processing and Analysis with Image-J (Bukti 3.3 c-5)**.
5. FF TELAH menganjurkan *18th Workshop on Laboratory Rodents (Rats and Mice) Care and Use 2023* TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu warga UiTM, lain-lain universiti tempatan, agensi kerajaan dan swasta bagi **meningkatkan kompetensi penggunaan haiwan-haiwan penyelidikan (Bukti 3.3 c-6)**.
6. *Faculty of Pharmacy Virtual Online Postgraduate Engagement Day* TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu staf akademik FF, pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa bagi mendedahkan kepada pelajar pelbagai program dan peluang penyelidikan di FF (**Bukti 3.3 d-1**).
7. *Pharmacy Invention, Innovation and Design (PHARM-IIDEx) 2023* merupakan **sesi pertandingan inovasi penyelidikan bagi mempamerkan idea novel, inovasi dan teknologi** anjuran FF TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu staf FF, komuniti luar pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia, pelajar siswazah dan pascasiswazah UiTM (**Bukti 3.3 d-2**) yang TELAH memupuk hubungan kerjasama penyelidikan dan jalinan maklumat.
8. *The UiTM Selangor Branch Innovation Carnival 2023 (Bukti 3.3 d-3)* TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu pensyarah dan penyelidik FF yang TELAH mempamerkan hasil inovasi penyelidikan dan TELAH turut mengadakan bengkel pembuatan sabun dan saringan kesihatan secara percuma kepada pelawat yang hadir.
9. Jom Sains Farmasi anjuran FF TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu staf FF dan kanak-kanak berumur 6 – 12 tahun bagi merasai sendiri bagaimana untuk **menghasilkan ciptaan-ciptaan daripada kemajuan Sains dan Teknologi (Bukti 3.3 e-1)**.

Inisiatif strategik Excel TELAH **melibatkan kumpulan sasaran BT di sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi meningkatkan kompetensi** penulisan kertas cadangan penyelidikan yang **berkualiti**.

1. *FRGS Write2Win Clinic 3* anjuran FF TELAH melibatkan **kumpulan sasaran BT** iaitu staf

akademik FF di sesi perkongsian ilmu (*personal coaching*) bersama panel pakar FF bagi membantu staf **menyediakan dan menambahbaik cadangan kertas penyelidikan berkualiti (Bukti 3.3 e-2)**.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti di atas, data pelanggan FF **TELAH dikumpul, disimpan dan dikenalpasti**. Pihak pengurusan TELAH melibatkan kumpulan sasar yang mana **PELAKSANAAN** program BT **TELAH melibatkan keseluruhan UiTM**, dan pelbagai institusi luar UiTM di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB03_20241_FF_3.3a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB03_20242_FF_3.3b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB03_20243_FF_3.3c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB03_20244_FF_3.3d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB03_20245_FF_3.3e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FF TELAH membuat **PEMANTAUAN** terhadap program-program BT bagi memastikan penganjuran program-program dapat memberikan **ganjaran** kepada pelanggan BT. **MEKANISME PEMANTAUAN keberkesanan** program TELAH dinilai melalui borang maklumbalas dan laporan program (**Bukti 3.4.1 a-1**). Kebanyakan pelanggan BT amat berpuas hati dengan program-program BT yang dianjurkan. Bagi program berskala besar seperti **Jom Sains Farmasi 2023**, data-data pemantauan TELAH **dikumpul** secara sistematik, dianalisa **secara berkesan** dan TELAH digunakan di mesyuarat *post-mortem* bagi mengenalpasti isu berbangkit dan **CADANGAN PENAMBAIKAN** (**Bukti 3.4.1 a-2**)

Kebaikan Dan Ganjaran Yang Diperolehi Oleh Pelanggan FF Hasil Dari Pelaksanaan BT:

1. Inisiatif ProliFic TELAH memanfaatkan pelanggan BT melalui pencapaian 100% PPI untuk **penerbitan ilmiah dan penerbitan berindeks yang berimpak tinggi** (**Bukti 3.4.1 b-1**).
2. Inisiatif ProliFic TELAH berjaya meletakkan UiTM sebagai *Top 301-350 QS World University Ranking By Subjects 2023* (**Bukti 3.4.1 b-2**).
3. Inisiatif Excel TELAH memanfaatkan pelanggan BT melalui pencapaian 100% PI untuk **jumlah bilangan staf yang menjadi ketua penyelidik bagi geran diperingkat nasional, industri dan antarabangsa** (**Bukti 3.4.1 c**).
4. Program pameran inovasi penyelidikan TELAH memanfaatkan pelanggan BT melalui pencapaian 100% PI BT dari **aspek jalinan kerjasama dengan industri melalui MoU/MoA** (**Bukti 3.4.1 d-1**).
5. Program-program BT TELAH memanfaatkan pelanggan BT melalui pencapaian 100% PI BT dari aspek **penjanaan pendapatan** (**Bukti 3.4.1 d-2**), **justeru FF telah tersenarai ditempat ke-18 bagi kategori Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2023, di AKPU 2023** (**Bukti 3.4.1 e-1**).
6. Inisiatif strategik ProliFic dan Excel TELAH meningkatkan visibiliti FF setelah mendapat tempat **pertama Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023)** bagi kategori **Pelan Tindakan Strategik Terbaik** (**Bukti 3.4.1 e-2**) dan **Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti)** (**Bukti 3.4.1 e-3**).
7. Pensyarah FF TELAH diiktiraf **di peringkat UiTM dan antarabangsa** setelah dinobatkan sebagai *Word's Top 2% Scientist (Single Year DAN Career-Long Achievement)* (**Bukti 3.4.1 e-4**).
8. Seramai tujuh pensyarah FF telah menerima pengiktirafan di Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2023 bagi penerbitan journal penyelidikan (**Bukti 3.4.1 e-5**) dan penghasilan paten (**Bukti 3.4.1 e-6**) serta Anugerah Tokoh Penyelidik (**Bukti 3.4.1 e-7**).

Kesimpulan: PEMANTAUAN TELAH dilaksanakan, **HASIL PEMANTAUAN** TELAH dianalisa dan digunakan untuk kaji semula pengurusan dimesyuarat *post-mortem* program untuk mengenalpasti **PENAMBAHBAIKAN** pada masa yang akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_T01_TB04_TC01_20241_FF_3.4.1a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB04_TC01_20242_FF_3.4.1b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC01_20243_FF_3.4.1c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC01_20244_FF_3.4.1d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB04_TC01_20245_FF_3.4.1e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklumbalas pelanggan BT TELAH dikenalpasti.

Risiko yang dimaksudkan adalah risiko pertumbuhan kulat di dinding luar dan dalam beberapa makmal di bangunan FF yang memberikan impak risiko yang dinyatakan di dalam Daftar Risiko FF (Bukti 3.4.2 b). Faktor di atas menyebabkan aktiviti-aktiviti penyelidikan terhalang, seterusnya menyebabkan data-data penyelidikan sukar diperolehi yang mana perkara ini mempengaruhi bilangan penerbitan hasil-hasil penyelidikan yang diperlukan untuk pencapaian cemerlang BT.

Pengurusan risiko FF TELAH melaksanakan langkah-langkah yang berikut dalam perancangan pencapaian maklumbalas pelanggan:

1. Penyelaras Pengurusan Risiko, Encik Alimukhti (**Bukti 3.4.2 a-1**) dilantik sebagai pegawai yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pengurusan risiko di FF. Beliau TELAH melaporkan status pengurusan risiko dari semasa ke semasa di dalam Mesyuarat Pengurusan fakulti.
2. Isu-isu yang dihadapi semasa pelaksanaan BT iaitu serangan kulat di makmal penyelidikan TELAH dibincangkan oleh Penyelaras Pengurusan Risiko FF di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 04/2023 FF bertarikh 31 Mei 2023 (Agenda D3.4 – Laporan Risiko muka surat 32 dan 34). Perbincangan merangkumi **impak risiko, kawalan sedia ada, dan kawalan tambahan yang dicadangkan sebagai Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan** bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan risiko kulat yang dihadapi (**Bukti 3.4.2 a-2**).
3. Isu-isu yang dihadapi **TELAH di DAFTAR** sebagai risiko di dalam **DAFTAR RISIKO** dimana **kategori risiko, punca risiko, impak dan kaedah kawalan sebagai Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan** telah di**NILAI** dan di**ANALISA** (**Bukti 3.4.2 b**).
4. **TINDAKAN PENCEGAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN** diambil bagi menangani risiko penyebaran kulat termasuklah membuka siling, mengecat cat anti kulat dan pemasangan *insulation foam* (**Bukti 3.4.2 c 1-3**). Pemantauan kulat bagi tindakan yang telah diambil oleh pihak Unit *Task Force* Pencegahan Kulat Bahagian Pengurusan Fasilitas UiTM Cawangan Selangor (UCS) TELAH dilaporkan oleh Ketua Pegawai Sains FF di Mesyuarat Pengurusan Bilangan 6/2023 bertarikh 31 Julai 2023 (Agenda F1.0 – Laporan Pemantauan Kulat muka surat 35 dan 36) (**Bukti 3.4.2 d**) dan Mesyuarat Pengurusan Bilangan 9/2023 bertarikh 24 November 2023 (Agenda F2.0 – Laporan Pemantauan Kulat muka surat 11) (**Bukti 3.4.2 e**)

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FF bersama Unit Pengurusan Risiko FF **TELAH mengambil Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan** bagi menangani risiko BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB04_TC02_20241_FF_3.4.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB04_TC02_20242_FF_3.4.2b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC02_20243_FF_3.4.2c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC02_20244_FF_3.4.2d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB04_TC02_20245_FF_3.4.2e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FF TELAH mengambil TINDAKAN ke atas maklumbalas dan aduan pelanggan BT bagi memastikan **PENAMBAHBAIKAN** pelaksanaan inisiatif strategik BT dapat dilakukan bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan BT. Pengurusan FF TELAH mengambil tindakan terhadap maklumbalas dan aduan pelanggan seperti berikut:

Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti (**Bukti 3.4.3 a-1**) TELAH mempunyai Penyelaras Kepuasan dan Maklumbalas Pelanggan (**Bukti 3.4.3 a-2**) untuk mengurus aduan dan maklumbalas pelanggan bagi meningkatkan sistem pengurusan kualiti di FF seperti yang digariskan di dalam Universiti Teknologi MARA *Quality Assurance and Enhancement Policy* (**Bukti 3.4.3 a-3**)

Bahagian Pentadbiran FF TELAH melantik TUJUH (7) orang Penyelaras Aduan dan Maklumbalas Pelanggan (**Bukti 3.4.3 b-1**). Mereka TELAH bertanggungjawab untuk: 1. Mengenalpasti jenis aduan, 2. Mengendalikan aduan dengan memberi maklumbalas kepada pelanggan dalam tempoh TIGA (3) hari waktu bekerja dan 3. Menjana laporan maklumbalas pelanggan / aduan daripada sistem aduan rasmi universiti (tiada laporan yang diterima untuk tahun 2023) dan daripada hasil penjanaaan Aduan Maklumbalas Pelanggan FF melalui imbasan QR Code (**Bukti 3.4.3 b-2**).

Maklumbalas dan aduan pelanggan BT **TELAH dikenalpasti dan dikumpul** melalui:

- a. Dapatan Audit Dalam Bil 1/2023 berkaitan perlaksanaan BT yang melibatkan penggunaan makmal (**Bukti 3.4.3 c -1**)
- b. Saluran rasmi termasuklah WhatsApp, emel atau hadir sendiri (**Bukti 3.4.3 c-2**)
- c. Laporan program-program BT yang telah dilaksanakan (**Bukti 3.4.3 c-3**)

Data dan maklumat aduan dan maklumbalas pelanggan BT di atas kemudiannya **TELAH dianalisa** untuk diambil TINDAKAN (**Bukti 3.4.3 d-1, 2, 3**).

Jawatankuasa siasatan penemuan audit dalam 1/2023 (**Bukti 3.4.3 d-1**) TELAH mengambil TINDAKAN terhadap dapatan audit berkaitan BT, manakala moderator sistem e-aduan TELAH menjana laporan maklumbalas pelanggan yang TELAH diambil TINDAKAN (**Bukti 3.4.3 d-2**). Mesyuarat *post-mortem* program BT 2023 telah mengenalpasti **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** untuk program pada 2024 (**Bukti 3.4.3 d-3**)

Hasil penganalisaan dan tindakan terhadap aduan dan maklumbalas pelanggan yang diambil **dikongsi kepada warga FF** melalui perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Maklumbalas Pelanggan (**Bukti 3.4.3 e-1**) dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (**Bukti 3.4.3 e-2**).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang TELAH dinyatakan di atas, FF TELAH bertindak kepada maklumbalas dan aduan pelanggan. Maklumbalas dan aduan pelanggan **TELAH DIKUMPUL, DIANALISA, DIAMBIL TINDAKAN** dan **DIKONGSI** kepada warga FF melalui perbincangan di dalam mesyuarat yang telah disebutkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB04_TC03_20241_FF_3.4.3a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB04_TC03_20242_FF_3.4.3b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC03_20243_FF_3.4.3c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC03_20244_FF_3.4.3d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB04_TC03_20245_FF_3.4.3e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap PEMBUDAYAAN yang terhasil daripada KEBERKESANAN tindakan penambahbaikan BT PEMBUDAYAAN kerja berorientasikan inovasi digital. Beberapa inovasi digital TELAH dibangunkan oleh staff FF dan diaplikasi bagi melancarkan proses penyelidikan di makmal untuk mendapatkan data-data penyelidikan yang berkualiti tinggi, justeru TELAH membantu meningkatkan pencapaian BT.

Antaranya adalah:

1. **iLISS (Internet Laboratory Integrated Site System) Bukti 3.5 a-1)**. Inovasi ini TELAH memudahkan carian bahan-bahan kimia, *consumables*, inventori dan peralatan supaya ianya dapat dibuat secara cepat dan tepat.

2. **F-SIST (Pharmacy Safety Integrated System) (Bukti 3.5 a-2)**. Inovasi ini TELAH memudahkan carian: 1. *Hardcopy Safety Data Sheet (SDS)*; 2. Peraturan keselamatan dan panduan ketika berlaku kecemasan di makmal dan 3: maklumat tarikh luput alat pemadam api disetiap makmal supaya ianya dapat dibuat dengan cepat dan tepat.

iLISS dan **F-SIST** TELAH dapat dimanfaatkan oleh pengguna dalam dan luar FF (Pelajar, pensyarah, penyelidik dan pihak industri).

3. **Prescription e-newsletter** adalah inovasi digital bagi sebaran informasi berkaitan BT (**Bukti 3.5 b-1**). Ianya TELAH dimanfaatkan oleh staf dalam dan luar UiTM. Ianya TELAH diterbitkan pada setiap bulan di FF, lambang PEMBUDAYAAN perkongsian ilmu yang terzahir daripada pelaksanaan program-program BT.

4. Jurnal seliaan FF (**IJPNaCs**) (**Bukti 3.5 b-2**) yang memperoleh penarafan MyCite, TELAH memberikan *platform* **PEMBUDAYAAN** penerbitan kepada penyelidik FF, termasuk komuniti penyelidik luar.

Kebekerkesan program-program BT (ie: seminar, simposium), TELAH turut merencanakan PEMBUDAYAAN pelaksanaan program secara *virtual* yang melibatkan organisasi dalam dan luar UiTM termasuk di peringkat nasional mahupun antarabangsa (**Bukti 3.5 b-3**). PEMBUDAYAAN INI TELAH memberi manfaat dari aspek; 1) kemudahan komunikasi pihak FF dengan kolaborator antarabangsa, justeru lebih ramai peserta dari luar negara TELAH terlibat dalam program-program BT, selain daripada 2) penjimatan kos operasi.

Pelaksanaan BT TELAH menghasilkan penyelidik FF yang menjadi ikon kecemerlangan penyelidikan sehingga tersenarai di dalam **World Top 2% Scientist (Bukti 3.5 c-1)**. Kepakaran mereka TELAH **mengharmonikan** proses-proses, perancangan, ukuran-ukuran, tindakan-tindakan, dan **hasil yang terzahir daripada KEBERKESANAN** program BT. Mereka TELAH secara konsisten **MEMBUDAYAKAN** peranan mereka sebagai mentor dan pakar rujuk terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan demi menyemarakkan semangat kepada penyelidik-penyelidik di organisasi dalam dan luar UiTM (**Bukti 3.5 c-2**).

Majlis Anugerah Akademik, Kualiti & Apresiasi Staf telah diadakan untuk memberi penganugerahan dan meraikan staf-staf dan penyelidik-penyelidik FF yang cemerlang, refleksi **KEBERKESANAN** pelaksanaan BT. Majlis ini telah menjadi BUDAYA di FF apabila ianya TELAH dijadikan sebagai acara tahunan (**Bukti 3.5 d**) untuk terus memotivasikan pelanggan BT.

Hasil pelaksanaan inisiatif strategik BT TELAH berjaya meningkatkan kompetensi staf untuk menghasilkan artikel ilmiah dan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti tinggi. Berikutan hasil cemerlang program-program BT pada tahun 2023, program-program peningkatan kompetensi staf ini TELAH diteruskan di FF sehinggalah ke hari ini sebagai momentum kepada **PEMBUDAYAAN** aktiviti penyelidikan. Ini diterjemahkan melalui perancangan awal penetapan sasaran dan aktiviti-aktiviti penyelidikan di *Buku Strategic Plan 2024 – 2025 Faculty of Pharmacy* bagi tahun-tahun berikutnya (**Bukti 3.5 e**).

Kesimpulan: Aplikasi inovasi digital semasa melaksanakan program-program BT adalah antara tindakan penambakan yang TELAH dilaksanakan oleh FF bagi memastikan perolehan hasil pencapaian BT yang cemerlang. Program BT secara *virtual* TELAH melibatkan ramai kumpulan sasaran BT, seterusnya menjadi **AMALAN DAN PEMBUDAYAAN di peringkat luar UiTM.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB05_20241_FF_3.5a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB05_20242_FF_3.5b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB05_20243_FF_3.5c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB05_20244_FF_3.5d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB05_20245_FF_3.5e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi mendukung aspirasi negara, UiTM sentiasa memberi penekanan terhadap tiga (3) aspek iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Pelan Strategik UiTM 2025 dirangka berdasarkan Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, National Policy on Industry 4.0, Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs - Sustainable Development Goals), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE-10 on 10).

FF TELAH membuat **PERANCANGAN** berkaitan BT dengan menganjurkan Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021 – 2025) FF UiTM Kampus Puncak Alam Bilangan 6 yang TELAH diadakan di Galeri Fakulti Farmasi pada 15 hingga 16 Februari 2023 yang dihadiri oleh Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Penolong Pendaftar Kanan, Penolong Pendaftar dan pensyarah-pensyarah FF yang terpilih. Perancangan strategik FF ini TELAH disediakan selaras dengan hasrat dan matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah *Globally Renowned University* menjelang tahun 2025 (GRU2025). Bagi BT yang dipilih, teras strategik yang dikenal pasti ialah Kecemerlangan Global yang digerakkan oleh salah satu tema strategik iaitu Pembangunan Penyelidikan Transnasional, Inovasi dan Pengkomersilan.

Bagi memperkasakan perancangan tersebut, FF TELAH **MELAKSANAKAN** program yang memberi tumpuan meningkatkan aktiviti BT melalui inisiatif strategik PROMoting impactful publications From academics (ProLiFic) dan Expand ResearCh to the nExt Level (Excel), berdasarkan Objektif Fakulti dan Objektif Kualiti FF yang menjuruskan kepada penerbitan jurnal yang berkualiti tinggi, memberi impak kepada masyarakat dan bilangan perolehan geran serta pembiayaan oleh ahli fakulti bukan sahaja daripada badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri.

FF TELAH melaksanakan **PEMANTAUAN** yang berterusan dan menyeluruh bagi memastikan pencapaian objektif dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Proses pemantauan ini dilakukan melalui pelaporan berkala oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) serta Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dalam beberapa platform penting, termasuk Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Mesyuarat Pengurusan FF, Perbincangan Petunjuk Prestasi FF, dan Mesyuarat Jawatankuasa Unit Kualiti. Agenda pemantauan ini sejajar dengan Objektif Fakulti yang ke-7, iaitu untuk menjuarai penyelidikan dalam bidang farmasi dan kesihatan yang berimpak tinggi melalui pembangunan ekosistem penyelidikan yang kukuh. Pemantauan turut merangkumi pencapaian Objektif Kualiti 6, 7, dan 8 yang berfokus kepada sasaran berikut: memastikan bilangan penerbitan jurnal berindeks mencapai 700 menjelang tahun 2025, mencapai nilai geran penyelidikan sebanyak RM20 juta menjelang tahun 2025, dan memacu kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan mengkomersialkan dua produk hasil penyelidikan menjelang tahun 2025. Selain itu, pemantauan juga dijalankan dengan mengambil kira pelaporan aktiviti berkaitan BT dan penyenaaran risiko yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi dalam Daftar Risiko FF. Ini memastikan setiap aspek yang berpotensi memberi impak kepada pencapaian objektif dapat diurus dan ditangani dengan berkesan.

PENAMBAHBAIKAN yang TELAH diambil oleh FF ialah perbincangan analisa dapatan di dalam Mesyuarat Pengurusan FF dan Mesyuarat Perbincangan Pengurusan Prestasi FF bagi tujuan penambahbaikan berterusan agar Objektif Fakulti, Objektif Kualiti FF dan sasaran PI dapat dicapai selaras dengan hala tuju universiti ke arah gelombang pencapaian bertemakan '*GLOBALLY RENOWNED, LOCALLY ROOTED*'.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UKURAN-UKURAN yang TELAH digunakan untuk mengukur pencapaian BT adalah melalui:

- Objektif Kualiti 6: Memastikan bilangan penerbitan berindeks mencapai 700 menjelang 2025 (Bukti 4.2 a).
- Objektif Kualiti 7: Memastikan nilai geran penyelidikan mencapai RM20 juta menjelang 2025 (Bukti 4.2 a).
- Objektif Kualiti 8: Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan mengkomersialkan 2 produk hasil penyelidikan menjelang 2025 (Bukti 4.2 a).
- 15 PI Berkaitan BT (Bukti 4.2 b)

Manual Kualiti: Prosedur Analisis Data diwujudkan di FF untuk penyediaan **ANALISA DATA** bagi menilai pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti FF (Bukti 4.2 c).

Inisiatif strategik yang diberi tumpuan untuk meningkatkan aktiviti berkaitan BT di FF adalah ProlifFic dan Excel.

ProlifFic: PRoMoting impactful pubLications From academiCs

Untuk meningkatkan bilangan penyelidik FF yang menerbitkan artikel di dalam jurnal yang berkualiti tinggi dan memberi impak kepada masyarakat. Projek ini merupakan projek yang dirangka untuk membudayakan penulisan bahan ilmiah/ artikel penyelidikan dan menambah baik penulisan akademik serta meningkatkan kedudukan QS *University Ranking by subject Pharmacy & Pharmacology*.

Excel: Expand ResearCh to the nExt Level

Untuk meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh penyelidik FF bukan sahaja daripada badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri. Projek ini dirangka untuk menjalankan siri bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan bagi perolehan geran antarabangsa/ kebangsaan/ industri berkualiti tinggi dengan kerjasama rakan universiti dan rakan industri tempatan dan antarabangsa.

HASIL UTAMA daripada pencapaian BT melalui ProlifFic (Bukti 4.2 d) and Excel (Bukti 4.2 e) juga diperincikan (hasil analisa yang dilaksanakan) di dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun 2021-2025 FF Bilangan 6 di mana telah disertai oleh warga FF dan dibantu oleh mentor dalam kalangan penyelidik FF dan pakar rujuk dari luar.

Kesimpulan: FF TELAH membuat PERANCANGAN yang SISTEMATIK bagi memastikan pengukuran Objektif Kualiti Fakulti (6, 7 dan 8) dan Pencapaian PI mengikut BT tercapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_A01_AB02_20241_Bukti 4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB02_20242_Bukti 4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB02_20243_Bukti 4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB02_20244_Bukti 4.2 d - Inisiatif Strategik ProlifFic.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB02_20245_Bukti 4.2 e - Inisiatif Strategik Excel.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

KAEDAH/ METODOLOGI yang TELAH digunakan di FF untuk membuat penilaian, kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa bagi pengukuran melalui:

1) Objektif Kualiti 6, 7 dan 8 dipertanggungjawabkan kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) (TD P&I) yang berperanan memastikan objektif di bawah selian adalah **MENCAPAI SASARAN** yang telah ditetapkan. Data ini diselaraskan oleh Ketua Unit Kualiti yang berperanan untuk melihat pencapaian setiap pelaporan (Bukti 4.3 a). Pembentangan pencapaian Objektif Kualiti dilaporkan oleh TD P&I dalam Mesyuarat Jawatankuasa Unit Kualiti dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan yang diadakan setahun sekali (Bukti 4.3 b).

2) Seorang staf akademik FF TELAH dilantik sebagai Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang bertanggungjawab terhadap Ketua Jabatan (Dekan/ Rektor/ Pengarah/ Pengarah Peneraju) kepada penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) yang diperturunkan serta berperanan secara berkesan dalam komunikasi perantara fakulti/ kampus/ jabatan dan BTU selaras dengan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 16 Tahun 2022: Pemantapan Pengoperasian Fungsi Wakil Bahagian Transformasi Universiti Di Fakulti, Kampus dan Jabatan (Bukti 4.3 c).

Dua (2) inisiatif strategik bagi mencapai sasaran PI berkaitan BT TELAH dibangunkan iaitu pertama, Prolifac yang dirangka untuk membudayakan penulisan bahan ilmiah/ artikel penyelidikan dan menambahbaik penulisan akademik serta meningkatkan penarafan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi dan kedua, Excel iaitu penambahan bilangan dan nilai (RM) dana penyelidikan antarabangsa/ kebangsaan/ industri dan peningkatan jalinan kerjasama penyelidikan dengan penyelidik dari universiti dalam dan luar negara.

Ketua Projek untuk aktiviti-aktiviti Prolifac dan Excel.

Ketua bagi inisiatif strategik untuk Prolifac dan Excel melaporkan pada PSTU dan PSTU melaporkan pencapaian PI di dalam Mesyuarat Fakulti Farmasi yang diadakan sekali pada setiap tahun, Mesyuarat Pengurusan yang diadakan sebanyak 9 kali pada tahun 2023, Amanat Dekan dan membuat pengemaskinian data di dalam sistem BTU **SECARA BERKALA** (Bukti 4.3 d).

Sebagai langkah proaktif, pemakluman pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini turut disebarluaskan di peringkat keseluruhan sistem UiTM dengan memuatnaik hebahan aktiviti BT melalui emel kepada seluruh warga UiTM, laman sesawang FF, di media sosial seperti laman Facebook Rasmi FF dan QS-GEN, UiTM Newshub dan *Prescription e-newsletter* (Bukti 4.3 e).

Kesimpulan: Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik FF TELAH disebar luas dan dilaksanakan sejajar dengan aspirasi universiti dan negara, yang mana ianya TELAH berada pada tahap pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan sistem UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB03_20241_Bukti 4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB03_20242_Bukti 4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB03_20243_bukti 4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB03_20244_bukti 4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB03_20245_F0046_A01_AB03_20245_Bukti 4.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

HASIL penganalisaan data TELAH digunakan untuk **PENAMBAHBAIKAN** prestasi BT dengan pemantauan dilakukan oleh TD P&I dan perkongsian maklumat dipanjangkan kepada FF melalui Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Mesyuarat Fakulti Farmasi, Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi FF dan Bengkel Perancangan Strategik FF (Bukti 4.4.1 a).

Proses pelaporan pencapaian KPI dan PI bulanan melalui pendekatan *top-down* digunakan iaitu PSTU mengisi pencapaian di dalam sistem Pengarah Peneraju dan kemudian Pengarah Peneraju/ Pemilik melakukan verifikasi terhadap data pencapaian. Pengarah Peneraju/ Pemilik akan mengisi data pencapaian di dalam sistem *Universiti Electronic Programme Management Office* (UePMO) seterusnya PSTU akan membuat semakan pencapaian KPI dan Pengarah Peneraju/ Pemilik melakukan pembetulan data pencapaian di dalam sistem UePMO (sekiranya ada pembetulan). PI yang telah disemak akan diluluskan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Seterusnya pihak BTU akan membuat analisa pelaporan bulanan dan pelaporan di dashboard sebelum PSTU memanjangkan laporan kepada Dekan serta pemegang PI (Bukti 4.4.1 b).

Beberapa siri aktiviti berkaitan BT TELAH dijalankan di FF di antaranya ialah FRGS Write2Win Clinic 3, Write2Flourish dan PHARM-IIDEx 2023 (Bukti 4.4.1 c).

Selain itu, FF TELAH berkongsi pengetahuan dan pencapaian maklumat prestasi BT melalui platform laman sesawang rasmi (pharmacy.uitm.edu.my), media sosial, QS-GEN, UiTM Newshub dan *Prescription e-newsletter* untuk makluman warganya (Bukti 4.4.1.d).

Melalui Audit Dalam FF Bil. 1/2023 yang TELAH diadakan pada 10 hingga 13 Julai 2023, pihak auditor TELAH melihat aspek pencapaian Objektif Kualiti dan PI FF serta memaklumkan masih terdapat ruang penambahbaikan di mana FF perlu memantau, mengukur dan menilai projek inisiatif fakulti secara berterusan agar dapat memastikan pencapaian sasaran yang ditetapkan (Bukti 4.4.1.e).

Kesimpulan: Pemantauan BT TELAH dilaksanakan, hasil pemantauan dianalisa dan penambahbaikan dilakukan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Mesyuarat Pengurusan dan Audit Dalam Bil. 1/2022 FF bagi tujuan penambahbaikan dan perbandingan prestasi PI mengikut tahun semakin meningkat.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_A01_AB04_AC01_20241_Bukti 4.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC01_20242_Bukti 4.4.1 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC01_20243_Bukti 4.4.1 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC01_20244_Bukti 4.4.1 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC01_20245_Bukti 4.4.1 e.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti. Tindakan pencegahan dan penambahbaikan telah diambil. Daftar risiko berperanan sebagai kaedah pengurusan risiko untuk mematuhi peraturan kawal selia yang bertindak sebagai storan senarai risiko yang dikenalpasti. Sehubungan itu, seorang Penyelaras Pengurusan Risiko TELAH dilantik di FF mengikut terma dan rujukan Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTM yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Risiko. (Bukti 4.4.2 a)

Senarai daftar risiko TELAH didaftarkan di Electronic Risk Management System (e-RMS) bagi BT (Bukti 4.4.2.b) untuk tujuan rekod dan pelaporan dalam proses pengurusan risiko iaitu masalah kulat di makmal. Struktur bangunan yang kurang pencahayaan dan sistem pengudaraan berpusat yang tidak sesuai bagi makmal berorientasikan penyelidikan (Bukti 4.4.2.c).

Pengenalpastian risiko berkaitan BT akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dibuat tiga (3) kali setahun, Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (Bukti 4.4.2 d).

Tindakan pencegahan dan penambahbaikan TELAH diambil dengan Penyelaras Risiko mewujudkan google form untuk dilengkapkan oleh pemegang risiko agar penambahbaikan dapat dilakukan dan seterusnya wakil FF melaporkan kepada Mesyuarat Task Force Pencegahan Kulat UCS UiTM Cawangan Selangor serta warga FF juga boleh memajukan aduan melalui e-Aduan. Senarai daftar risiko yang TELAH didaftarkan di sistem e-RMS kemudiannya diambil tindakan oleh pihak Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur di mana lawatan TELAH dijalankan di FF untuk membantu melaksanakan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan serta pemeriksaan kualiti udara dalam (IAQ) (Bukti 4.4.2 e).

Kesimpulan: Daftar Risiko TELAH didaftar, dinilai dan dianalisa. Tindakan pencegahan dan penambahbaikan juga TELAH diambil. FF TELAH merancang tindakan pencegahan yang berkesan bagi mengatasi risiko berkaitan BT yang dihadapi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB04_AC02_20241_Bukti 4.4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC02_20242_bukti 4.4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC02_20243_Bukti 4.4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC02_20244_Bukti 4.4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC02_20245_Kriteria 4 Bukti 4.4.2 e.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

HASIL TINDAKAN yang diambil TELAH dianalisis dan dikaji semula untuk memastikan penambahbaikan berterusan. Proses ini didokumentasikan di dalam laporan Ketua Unit Kualiti dan dibentangkan di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan serta dalam laporan PSTU yang dipengerusikan oleh Dekan FF. Ini bertujuan untuk memperbaiki Objektif Kualiti FF dan pencapaian PI secara berterusan (Bukti 4.4.3 a). Sebarang isu yang berkaitan dengan pencapaian dan penambahbaikan Objektif Kualiti serta PI yang relevan dengan BT telah dibincangkan dengan mendalam dalam mesyuarat ini.

Penambahbaikan yang dikenal pasti oleh pihak Pengurusan Kanan FF TELAH disampaikan kepada seluruh warga FF. Informasi ini disebarikan melalui hebahan aktiviti BT oleh Ketua Pusat Pengajian, pemakluman menerusi emel kepada semua staf FF, serta promosi aktiviti di laman sesawang dan media sosial rasmi FF (Bukti 4.4.3 b).

Selaras dengan BT, hasil daripada tindakan penambahbaikan yang diambil TELAH membawa kepada peningkatan prestasi FF, termasuklah kejayaan dalam menganjurkan program berimpak tinggi di peringkat antarabangsa seperti Bioinformatics for Life Sciences & Drug Design Workshop 2023. Program ini berjaya menyatukan saintis dari pelbagai bidang penyelidikan, mewujudkan kerjasama penyelidikan baharu, serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam suasana antarabangsa. Rakan MoU seperti A*Star Institute Singapore dan University of Saint Joseph Macau turut terlibat sebagai platform untuk perkongsian pengetahuan dan idea (Bukti 4.4.3 c).

Dalam usaha memastikan ketelusan dan aksesibiliti maklumat, **status kemajuan berkala berkaitan PTS dilaporkan** dan dikemaskini di dalam laman sesawang UiSMS (Bukti 4.4.3 d). Laman ini menyediakan data terkini berkenaan perkembangan program, pencapaian objektif, dan tindakan penambahbaikan yang telah diambil. Sehubungan itu, FF dapat memantau status kemajuan PTS dengan lebih berkesan.

PSTU FF telah mengambil inisiatif untuk memastikan seluruh warga FF memahami dan terlibat secara aktif dalam pencapaian matlamat strategik fakulti. Untuk tujuan ini, PSTU FF telah membuat hebahan yang meluas dengan berkongsi dan menyebarkan Buku Pensejajaran Perancangan Strategik kepada semua warga fakulti melalui hebahan emel dan dimuatnaik di laman sesawang FF (Bukti 4.4.3 e).

Kesimpulan: Data dan maklumat TELAH dikumpul dan dianalisis dengan teliti untuk tujuan penambahbaikan. Hasil daripada analisis ini TELAH diambil tindakan dengan efisien dan efektif, serta TELAH dikongsi secara menyeluruh kepada seluruh warga jabatan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB04_AC03_20241_Kriteria 4 Bukti 4.4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC03_20242_Bukti 4.4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC03_20243_Bukti 4.4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC03_20244_Bukti 4.4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC03_20245_Bukti 4.4.3 e.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

TAHAP PEMBUDAYAAN yang terhasil daripada **KEBERKESANAN TINDAKAN** bagi BT berdasarkan data yang dikumpul dan dianalisa ialah menggalakkan penglibatan staf dalam program penyelidikan yang TELAH memberi peluang kepada penyelidik FF menimba pengalaman baru, menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kepakaran di dalam program seperti FRGS Write2Win Clinic 3, Write2Flourish, AI Tools for Efficient Academic Writing dan Hands-on CRISPR/ Cas9 Genome Editing Workshop (Bukti 4.5 a).

Selaras dengan agenda transformasi ke arah GRU2025, Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023 telah diadakan di Institut Latihan dan Kepimpinan (ILD) pada 29 hingga 31 Mei 2024 yang memberi pengiktirafan kepada Pusat Tanggungjawab. FF telah diberi pengiktirafan yang membuktikan kerjasama di antara para penyelidik FF dengan para penyelidik dari pihak kebangsaan, antarabangsa dan industri iaitu (Bukti 4.5 b):

1. Anugerah 6 Bintang PTJ: Tempat Pertama (95%)
2. Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik (KPI Tinggi, SAP Tinggi)
3. Sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti)
4. Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: Pillar 1:World Class Faculty Members (Staf Akademik):Tempat Ke-empat
5. Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: Pillar 3 & 4: Turning Globally Marketable Staff & Excellent Supporting Staff: Tempat Ke-lima
6. Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2023

Pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancangkan turut dilakukan melalui hebahan di media sosial dan laman web rasmi FF yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga FF sahaja. Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklum balas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan (Bukti 4.5 c).

Perkongsian pengetahuan kepada masyarakat TELAH dibuat melalui aktiviti-aktiviti seperti Pharmicare and Pharmatopia (Bukti 4.5 d) dan Community Service For Villagers In Bogor, Indonesia serta sebaran khususnya kepada masyarakat melalui UiTM Newshub (Bukti 4.5 e).

Kesimpulan: Semua warga FF TELAH berusaha dan memberi sumbangan besar dalam mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh BTU ke arah menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 dan memberi impak di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB05_20241_Bukti 4.5 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB05_20242_Kriteria 4 Bukti 4.5 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB05_20243_F0046_A01_AB05_20243_Bukti 4.5 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB05_20244_Bukti 4.5 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB05_20245_Bukti 4.5 e.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan berkaitan Sumber Manusia adalah perkara yang penting dalam pengurusan organisasi dan ia adalah selaras dengan Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM 2021 – 2025 serta Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021 – 2025), Fakulti Farmasi (FF) bagi memastikan tenaga kerja dapat diuruskan dengan cekap, berkesan dan efisien.

Pengurusan FF TELAH **MERANCANG** keperluan Sumber Manusia secara sistematik untuk perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi menyokong Bidang Tumpuan (BT) FF dari aspek **PENYELIDIKAN, PENERBITAN & PENGKOMERSILAN** melalui permohonan penambahan pensyarah, staf sokongan, Anggaran Belanja Mengurus (ABM) dan latihan staf. Ia berlandaskan sasaran petunjuk prestasi (PI) yang didokumentasikan dalam dokumen Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021 – 2025) Bil. 6; Fakulti Farmasi. Buku TELAH di katalog dan disebar luas melalui hebahan email dan laman sesawang FF bagi makluman kepada semua warga fakulti. Sebar luas hebahan ini adalah untuk memastikan semua warga fakulti peka dan cakna dengan hala tuju universiti dan fakulti.

Hasil daripada perancangan dan kelulusan Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Pengurusan FF TELAH **MELAKSANAKAN** pelbagai program strategik selain menghantar staf untuk mengikuti latihan bagi pembangunan kerjaya serta melaksanakan pengambilan staf yang berkelayakan. Ini TELAH dapat mengoptima kepakaran dan pengalaman staf bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi BT.

FF mengoptimakan BT melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik (PTS) melalui DUA (2) inisiatif strategik **1) Prolific – PROMoting impactful pubLication From AcademICs** iaitu peningkatan bilangan penyelidik yang menerbitkan jurnal berindeks berkualiti tinggi dan memberi impak kepada masyarakat dan **2) Excel – EXpand researCh to the nExt Level** iaitu meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh ahli fakulti – bukan sahaja daripada badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri. Pelaksanaan program ini telah diwar-warkan kepada warga melalui laman sesawang rasmi FF, hebahan emel kepada warga FF dan UiTM serta dimuatnaik di media sosial rasmi FF agar hala tuju jelas dan fokus mencapai sasaran BT.

Setelah PTS dilaksanakan, Pengurusan FF TELAH melaksanakan **PEMANTAUAN** secara berkala untuk menilai kesan dan keberkesanan perancangan. Pelaporan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) dan Penyelaras Strategik & Transformasi (PSTU) FF melalui Mesyuarat Pengurusan FF serta Mesyuarat Petunjuk Prestasi FF. Selain itu, Objektif Kualiti FF (Objektif Kualiti 6, 7 dan 8) ditetapkan bagi menyasarkan bilangan penerbitan berindeks, bilangan dan nilai (RM) geran penyelidikan dan pengkomersilan hasil penyelidikan. Aduan dan maklumbalas sumber manusia berkaitan BT juga amat dititikberatkan oleh FF. Semua perkara ini menampakkan kesungguhan FF dalam menyediakan sumber serta mengawal selia agenda BT.

Berdasarkan penilaian hasil analisa data dalam peringkat pemantauan, pengurusan FF TELAH menentukan langkah-langkah **PENAMBAHBAIKAN** dan TELAH dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti yang mana salah satu agendanya adalah Perbincangan Petunjuk Prestasi FF. Selain itu, **PEMBUDAYAAN** berkait dengan BT TELAH dilaksanakan di peringkat FF dan juga di peringkat luar UiTM yang mana TELAH memberi kesan positif kepada Sumber Manusia di FF, warga UiTM serta warga setempat. Ia juga TELAH menggalakkan amalan dan pembudayaan dalam BT berteraskan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan yang cemerlang. Perkara ini juga TELAH disebarluaskan melalui hebahan di media sosial dan laman sesawang rasmi FF.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan FF TELAH MERANCANG **Kaedah Pengurusan Sumber Manusia** yang **SISTEMATIK** melibatkan KAEDAH berstruktur dan strategik bagi pengurusan Sumber Manusia seperti berikut:

- **PERANCANGAN** Sumber Manusia TELAH dirangka secara **SISTEMATIK** dari segi pengambilan staf akademik FF melalui perancangan dan pengambilan staf FF secara tahunan berdasarkan keperluan (Anggaran Belanja Mengurus – ABM) dan Garis Panduan Lembaga Farmasi Malaysia Tahun 2018 dan Tahun 2024 (Bukti 5.2 a).
- **PERANCANGAN** pengambilan staf ini TELAH menampakkan sokongan FF terhadap pencapaian BT, termasuk perluasan skop dan fungsi penyelidikan. FF merupakan salah satu fakulti autonomi, maka pengambilan staf akademik TELAH dilaksanakan secara “*Head Hunting*”/pengambilan staf bersasar. Peluang ini TELAH digunakan untuk membuat **PENAMBAHBAIKAN** kompetensi Sumber Manusia di FF yang mana FF TELAH berjaya mendapatkan staf yang mempunyai kelayakan, kepakaran bersesuaian dengan keperluan pelaksanaan BT. Justeru itu, kedudukan *QS Universiti Ranking by subject Pharmacy & Pharmacology 2024* TELAH berjaya dipertingkatkan.
- Bagi memperkasakan Sumber Manusia BT, pengurusan FF **TELAH MERANCANG latihan sangkutan dan sabatikal** staf di mana organisasi luar, universiti tempatan/ antarabangsa dan industri. Tahun 2023, FF TELAH menghantar dua orang staf untuk mengikuti latihan sangkutan di Makmal Instrumen, Universiti Malaya dan dua orang staf akademik menjalani cuti sabatikal di Kew Royal Botanic Garden, Richmond, London dan Oxford Centre For Clinical Magnetic Resonance Research (OCMR), University Of Oxford, United Kingdom (Bukti 5.2 b). Ini TELAH memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama di samping menambahkan pengetahuan dan kemahiran staf untuk pencapaian BT yang cemerlang.
- Pengurusan FF TELAH mengambil kira elemen INOVASI dalam **PERANCANGAN** Sumber Manusia melalui penganjuran program-program yang menyediakan medan bagi para penyelidik FF, warga universiti, organisasi luar, pelajar FF serta pelajar sekolah untuk membenteng/ mempamerkan hasil penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan produk. Program yang dianjurkan dan dilaksanakan adalah **PHARM-IIDEx 2023** dan **Jom Sains Farmasi 2023** yang mencungkil minat para penyelidik muda serta program bagi pengkomersilan produk melalui program **Tiktok Workshop** (Bukti 5.2 c). Kesemua ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan pembangunan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Bagi aspek **Penghargaan dan Pengiktirafan** kepada staf, pengurusan FF **TELAH MELAKSANAKAN** perkara berikut dalam menyokong BT:

- **Pengiktirafan dan Penganugerahan Prestasi** TELAH dilaksanakan bagi menggalakkan penyelidik dan penulis utama (*corresponding, sole and first author*) mencapai hasil BT yang cemerlang. 16 November 2023, Majlis Anugerah Akademik, Kualiti dan Apresiasi Staf telah diadakan dan menjadi salah satu medium pemangkin dan inspirasi daripada prestasi cemerlang staf (Bukti 5.2 d). **PENILAIAN** staf telah dibuat melalui pencapaian markah MyATP dan LNPT meliputi lima (5) kategori utama iaitu pencapaian kategori Akademik, Penyelidikan dan Inovasi, Kualiti, Khidmat Masyarakat, Hal Ehwal Pelajar serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.
- Pengurusan FF TELAH juga membuat **PENILAIAN** prestasi, sumbangan serta pencapaian staf seterusnya memberi sokongan dan menominasi nama staf bagi menerima **Anugerah di peringkat Universiti, Kebangsaan dan Antarabangsa** (Bukti 5.2 e). Anugerah ini mempunyai tahap pengiktirafan yang lebih tinggi berbanding dengan penghargaan yang diberikan di peringkat FF. Anugerah ini dapat meningkatkan motivasi dan inspirasi warga FF seterusnya meningkatkan mutu dan prestasi FF terhadap BT.

Kesimpulannya, berdasarkan perancangan sistematik yang dilaksanakan FF telah mengambil kira peningkatan kerjaya, penghargaan dan pengiktirafan sumber manusia di FF.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_S01_SB02_20241_Bukti 5.2 a - ABM dan LFM.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB02_20242_Bukti 5.2 b - Latihan Sangkutan dan Sabatikal.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB02_20243_Bukti 5.2 c - Pelaksanaan program medan penyelidikan.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB02_20244_Bukti 5.2 d- Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB02_20245_Bukti 5.2 e - Anugerah peringkat universiti kebangsaan antarabangsa.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan FF TELAH mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan BT menerusi Perancangan Strategik FF 2021-2025 Bil. 6, Inisiatif Strategik **Prolific (PROmoting impactful pubLications From academiCs)** dan **Excel (Expand ResearCh to the nExt Level)** yang TELAH dirangka untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan dan inovasi melalui elemen **penyelidikan, penerbitan dan perkongsian pengetahuan** yang sangat dititikberatkan.

Beberapa inisiatif strategik BT **TELAH DILAKSANAKAN** di peringkat UiTM bagi memperkasakan penerbitan jurnal berindeks telah disebarluas pelaksanaannya bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman kepakaran di FF kepada warga universiti dan fakulti seperti;

- Pelaksanaan **Prolific** melalui projek **Write2Flourish** yang mana pakar rujuk seperti PM Dr Yong Soon Kong dari RMC UiTM dan tenaga pakar FF, PM Dr Lim Siong Meng TELAH memberi bimbingan penulisan manuskrip prosiding. Di samping itu, bengkel-bengkel di bawah inisiatif Prolific juga TELAH DILAKSANAKAN seperti **AI Tools for Efficient Academic Writing** dan beberapa siri program di bawah projek **Write2gether** melalui mentor-mentor yang telah dipadankan (Bukti 5.3 a).
- Bagi menghasilkan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti, FF telah melaksanakan klinik bimbingan penulisan secara berterusan seperti **Write2Win FRGS Clinic 2 & 3** dengan bimbingan para penyelidik FF sendiri melalui sistem pementoran (Bukti 5.3 b). Klinik ini memberi peluang untuk warga FF, warga UiTM serta para penyelidik di organisasi lain bersama-sama mendapat manfaat daripadanya.
- Penganjuran **PHARM-IDEx 2023**, program **Safe-Med** (Kempen Pelupusan Ubat-Ubatan Secara Selamat) dan **Program Jom Sihat** dengan kerjasama Majlis Permuafakatan Penduduk Saujana Utama juga menggalakkan penglibatan seluruh warga fakulti, pelajar pra dan pasca siswazah bagi membudayakan penyelidikan, penerbitan dan inovasi secara menyeluruh (Bukti 5.3 c). Bahkan penyertaan juga dibuka kepada kalangan penduduk setempat terutama para pelajar sekolah menengah dan rendah bersama Penduduk Saujana Utama. Usaha ini penting bagi memastikan pembudayaan penyelidikan bukan sahaja subur di kalangan warga FF dan Kampus, malah DISEBARLUAS ke seluruh komuniti sekitarnya.

Tenaga pakar di FF seperti Profesor Dr. Kalavathy Ramasamy, Profesor Dr. Wong Tin Wui, Profesor Dr. Teh Lay Kek dan Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed sangat dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di antara mereka mendapat pengiktirafan **World's Top 2% Scientist**. Kecemerlangan ini TELAH menjadikan mereka sebagai ikon yang sangat disegani oleh penyelidik-penyelidik muda di peringkat warga FF UiTM, UiTM dan seluruh negara (Bukti 5.3 d). Dengan kepakaran tersebut, mereka TELAH berperanan sebagai mentor dan pakar rujuk untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan yang mana menyemarakkan semangat kepada penyelidik-penyelidik di peringkat FF, UiTM dan luar UiTM.

Pengiktirafan FF di peringkat antarabangsa melalui lonjakan QS *World University Ranking by subject Pharmacy & Pharmacology* dari 301-350 tahun 2023 kepada 251-300 tahun 2024 TELAH meningkat KEBOLEHTAMPAKAN penyelidik FF. Ini membuktikan FF mempunyai tenaga pakar dan **keberhasilan modal insan** kelas pertama terhadap BT. Penganjuran seminar dan webinar penyelidikan yang mana tenaga pakar ini berkongsi ilmu dan kepakaran dengan para penyelidik. Selain itu, mereka juga telah menjadi **pakar rujuk** dalam memberi tunjuk ajar dalam bidang penyelidikan yang berkualiti di peringkat FF, Kampus, UiTM, kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 5.3 e).

Kesimpulannya, berdasarkan pelaksanaan dan bukti pelaksanaan elemen penyelidikan, penerbitan dan perkongsian pengetahuan TELAH mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman SUMBER MANUSIA FF bagi menjayakan BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB03_20241_Bukti 5.3 a - Inisiatif Strategik Prolifc.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB03_20242_Bukti 5.3 b - Inisiatif Strategik Excel.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB03_20243_Bukti 5.3 c - Penganjuran Program Jom Sihat dan Pharm IDEX 2023.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB03_20244_Bukti 5.3 d- Top 2 Scientist.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB03_20245_Bukti 5.3 e - Pakar Rujuk.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati dan aduan Sumber Manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja TELAH memberi gambaran positif terhadap operasi di FF dalam memastikan pencapaian cemerlang BT.

FF **TELAH MELAKSANAKAN PEMANTAUAN** dengan menyediakan medium maklumbalas pelanggan bagi seluruh warga FF (staf dan pelajar) melalui **Maklumbalas Pelanggan Fakulti Farmasi** yang boleh diakses menggunakan *QR Code* di laman sesawang FF dan papan kenyataan. Hasil daripada maklum balas tersebut, ada dinyatakan penghargaan kepada kemudahan yang disediakan oleh FF. Ini menunjukkan **warga FF, pelanggan dan pemegang taruh sangat gembira** dengan kemudahan dan persekitaran yang kondusif yang telah disediakan oleh FF (Bukti 5.4.1 a).

Kepuasan hati turut TELAH diukur kepada pelajar penyelidikan FF. Maklum balas pelajar ini dapat dilihat melalui pelaksanaan/ maklum balas ReSuFO Bahagian C (Infrastruktur). Hasil daripada **maklum balas ReSuFO** tersebut, sesi 20232 (Mac - Ogos 2023) FF mendapat peratusan **90.28%** (Bukti 5.4.1 b) dan sesi 20234 (Oktober 2023 - Mac 2024) FF mendapat peratusan **89.63%** (Bukti 5.4.1 c). Ini menunjukkan **pelajar sangat berpuas hati** terhadap ruang kerja penyelidikan, sokongan teknikal, kemudahan peralatan serta persekitaran dan infrastruktur yang disediakan oleh FF.

Walaupun pelbagai penghargaan dan kepuasan hati staf dan pelajar diterima oleh FF. Ada juga aduan dan pelaksanaan pemantauan berkaitan peralatan Sistem Audio Video dan projektor di Dewan Kuliah (Bukti 5.4.1 d). FF **TELAH MELAKSANAKAN** tindakan segera untuk memastikan peralatan tersebut dibuat pembaikan walaupun FF menghadapi kekangan kewangan yang meruncing. Dengan tindakan segera ini, **warga FF menarik nafas lega** kerana proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik.

FF juga **sangat prihatin dengan keperluan dan keselesaan staf**. Setelah beberapa kali permohonan, akhirnya FF mendapat kelulusan peruntukan kewangan Universiti dan Tabung Amanah UiTM Cawangan Selangor bagi menyediakan pejabat baharu kepada LAFAM (*Laboratory Animal Facility And Management*) yang mana sebelum ini staf terdedah kepada alergen dan bau yang kurang enak daripada haiwan makmal tersebut. Kawalan proaktif dan tindakan pencegahan juga dibuat terhadap isu kulat di dinding makmal agar warga FF sentiasa sihat, cerdas dan cergas untuk melaksanakan tugas serta aktiviti-aktiviti penyelidikan berlandaskan BT (Bukti 5.4.1 e).

Kesimpulannya, staf, pelajar, pemegang taruh dan juga warga kampus sangat berpuas hati dengan terhadap persekitaran dan sistem kerja di FF.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_S01_SB04_SC01_20241_Bukti 5.4.1 a - Maklumbalas Pelanggan Fakulti Farmasi.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC01_20242_Bukti 5.4.1 b - Maklum balas Resufo Sesi 20232 \(Mac - Ogos 2023\).pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC01_20243_Bukti 5.4.1 c - Maklum Balas ReSuFO sesi 20234 \(Oktober 2023 - Feb 2024\).pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC01_20244_Bukti 5.4.1 d - Sistem Audio Video dan Projektor di Dewan Kuliah.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC01_20245_Bukti 5.4.1 e - Pejabat LAFAM.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat diperlukan dan penting dalam sesebuah organisasi terutama dalam aspek pengurusan Sumber Manusia.

Risiko, punca risiko dan tindakan pencegahan BT dalam pengurusan sumber manusia **TELAH DIDAFTARKAN** dalam Daftar Risiko FF Tahun 2023 di *Electronic Risk Management System* (e-RMS) (Bukti 5.4.2 a).

Risiko berkaitan Sumber Manusia didaftarkan seperti berikut:

- **Perkara No. 1:** Risiko pertumbuhan kulat di dinding luar dan dalam makmal yang melibat kawasan penyelidikan dan pengajaran. Risiko ini didaftarkan kerana merupakan ancaman kepada kesihatan warga FF terutama kepada para penyelidik dan boleh menyebabkan masalah kesihatan yang menjurus kepada ketidakcekapan serta daya kerja tidak produktif yang menggugat BT.
- **Perkara No. 2:** Risiko staf makmal kontrak meletak jawatan kerana mendapat tawaran dari institusi lain. Ia didaftarkan kerana ia mengganggu aktiviti BT sekiranya staf tersebut mempunyai kepakaran menggunakan peralatan berteknologi tinggi.

Dalam konteks risiko, Pengurusan FF **TELAH MELAKSANAKAN** langkah-langkah proaktif dan pencegahan dengan pelaksanaan berikut:

- Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan **TELAH** diambil dengan membuat beberapa laporan kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Selangor (UCS) dan telah mewujudkan Unit *Task Force* Pencegahan Kulat bagi menangani risiko penyebaran kulat termasuk membuka siling, mengecat cat anti-kulat dan pemasangan *insulation foam* (Bukti 5.4.2 b).
- Pelaporan juga **TELAH** dibuat di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 6/2023 dan Bilangan 9/2023 berkaitan status pemantauan risiko bagi menjaga tahap kesihatan warga FF. Isu ini juga telah diambil serius oleh pihak Universiti dengan mendaftarkan di bawah risiko Ekstrem UiTM kerana melibatkan gangguan kesihatan yang serius (Bukti 5.4.2 c).
- Bagi risiko peletakan jawatan staf makmal, pihak FF **TELAH** mengambil inisiatif memohon peruntukan waran perjawatan dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahun 2024/2025 bagi memastikan kelangsungan aktiviti penyelidikan dan BT dapat dilaksanakan dengan sempurna (Bukti 5.4.2 d).

Selain daripada pemantauan dalam daftar risiko, FF juga **TELAH menyediakan** Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian peralatan berteknologi tinggi dan penyelenggaraan bagi makmal seliaan (Bukti 5.4.2 e). Ini adalah bagi memastikan risiko kecelakaan kepada para penyelidik dan warga FF dapat dibendung dan dielakkan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan FF **TELAH** merancang dan melaksanakan tindakan pencegahan risiko BT dan pengurusan Sumber Manusia dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB04_SC02_20241_Bukti 5.4.2 a - eRMS.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC02_20242_Bukti 5.4.2 b - Pemantauan Unit Task Force.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC02_20243_Bukti 5.4.2 c - Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan dan Laporan Risiko UiTM.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC02_20244_Bukti 5.4.2 d- ABM staf makmal.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC02_20245_Bukti 5.4.2 e- SOP Pengendalian Peralatan Berteknologi.pdf](#)

5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah penting bagi meningkatkan kepuasan hati, meningkatkan produktiviti warga FF bagi pelaksanaan BT. Pengurusan FF **TELAH melaksanakan** komunikasi dua hala bagi mendapatkan maklum balas serta pandangan daripada semua staf melalui:

- Pelaksanaan Majlis Amanat Dekan 2023 dilaksanakan untuk pengurusan FF menyampaikan Visi, Matlamat serta Hala Tuju FF di samping menggalakkan budaya kerja yang positif, inklusif dan berorientasikan prestasi. Warga FF **TELAH** mendapat **penjelasan yang jelas berkaitan objektif dan inisiatif strategik FF** (Bukti 5.4.3 a).
- Setiap tahun, FF melaksanakan Mesyuarat Fakulti (Bukti 5.4.3 b) yang mewajibkan kehadiran semua staf. Ia menjadi salah satu medan untuk pihak pengurusan **berkongsi maklumat berkaitan analisa pencapaian dengan warga FF** di mana staf berpeluang memberi pendapat dan mengutarakan masalah yang dihadapi. Kesemua ini **TELAH mewujudkan suasana serta persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif**.
- Maklumat dan hebahan PTS FF **sentiasa disebarluas** secara berkala termasuk BT di dalam Mesyuarat Pengurusan FF, emel rasmi dan media sosial FF dan melalui Buku Pensejajaran Perancangan Strategik FF di laman sesawang FF (Bukti 5.4.3 c). Ini **memupuk kesedaran dan cakna** dalam diri setiap warga FF untuk sama-sama mencapai objektif dan inisiatif FF.

Setiap maklum balas dan aduan **TELAH dianalisa** oleh pengurusan FF. **TINDAKAN** segera **TELAH** diambil terhadap aduan peralatan Sistem Audio Video dan projektor di Dewan Kuliah untuk memastikan peralatan dibuat pembaikan.

FF telah menghantar surat permohonan peruntukan kewangan ke pihak Bendahari UiTM, Bahagian Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur serta peruntukan kewangan amanah FF (Bukti 5.4.3 d). FF dapat melaksanakan penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian peralatan tersebut dengan kadar segera, efisien dan efektif serta **TELAH** memastikan **PENAMBAHBAIKAN** persekitaran pembelajaran dapat berjalan lancar dan kondusif.

Bagi **keperluan dan keselesaan staf** dan mencapai objektif BT, FF **TELAH** menghantar beberapa permohonan kelulusan peruntukan kewangan Universiti dan Tabung Amanah UCS bagi menyediakan pejabat baharu kepada LAFAM (Bukti 5.4.1 e). Hasil daripada kelulusan tersebut, pejabat baharu LAFAM dapat disiapkan. Ini telah meningkatkan tahap kepuasan hati staf dan kecekapan pengurusan bagi aktiviti berkaitan BT.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti yang telah dinyatakan, Pengurusan FF **TELAH** melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan warga FF sentiasa berada dalam persekitaran dan sistem kerja yang harmoni dan kondusif.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB04_SC03_20241_Bukti 5.4.3 a - Majlis Amanat Dekan 2023.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC03_20242_Bukti 5.4.3 b - Petikan Minit Mesyuarat Fakulti.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC03_20243_Bukti 5.4.3 c - Hebahan Perancangan Strategik FF.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC03_20244_Bukti 5.4.3 d - Surat Permohonan Peruntukan Kewangan.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC03_20245_Bukti 5.4.3 e - Surat Peruntukan KY LAFAM.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PEMBUDAYAAN di FF berkaitan BT bukan sahaja di kalangan warga FF tetapi juga penglibatan **DI PERINGKAT LUAR UiTM** daripada kalangan masyarakat setempat, komuniti UiTM dan warga sekolah di sekitar FF dan UCS. Keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan FF **TELAH MEMBERI kesan positif** terhadap warga FF, komuniti dan warga Fakulti yang lain.

FF juga telah berjaya mewujudkan dan menggalakkan **AMALAN** dan **PEMBUDAYAAN** aspirasi bidang tumpuan berteraskan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan. Hal ini dibuktikan melalui kecemerlangan program-program yang telah mencapai 100% sasaran seperti yang diperturunkan oleh BTU kepada FF. Pencapaian cemerlang sasaran BT juga menjadi teladan bagi kecemerlangan UiTM apabila FF **TELAH dianugerahkan** beberapa anugerah pencapaian cemerlang BT semasa Majlis Anugerah Pencapaian UiTM (AKPU) bagi tahun 2023 (Bukti 5.5 a).

Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dirancang turut **DISEBARLUAS** melalui hebahan di **media sosial dan laman sesawang rasmi FF**. Ia juga boleh diakses oleh semua pihak dan tidak terhad kepada warga FF sahaja (Bukti 5.5 b). Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

Beberapa **pengiktirafan** oleh pihak Universiti dan FF seperti Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2023, UiTM dan Majlis Anugerah Akademik, Kualiti & Apresiasi Staf, Fakulti Farmasi 2023, Anugerah Kecemerlangan Majlis Dekan Farmasi (MDF 2023) (Bukti 5.5 c) telah diberikan kepada warga FF sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap warga FF yang telah menunjukkan **PEMBUDAYAAN** yang cemerlang di dalam BT.

Melalui program-program yang menyokong pelaksanaan PTS melalui inisiatif strategik utama yang dirangka bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi BT iaitu **1) Prolifc – PROMoting impactful publication From AcademiCs** (peningkatan bilangan penyelidik FF yang menerbitkan jurnal yang berkualiti tinggi dan memberi impak kepada masyarakat) dan **2) Excel – EXpand researCh to the nExt Level** (meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh penyelidik FF–bukan sahaja daripada badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri). FF **TELAH** berjaya mencapai KPI bagi Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang, SK 6-2: Latihan kemahiran dan Pembangunan Staf dengan **melahirkan ramai penyelidik** yang memperolehi geran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; **MELEBIHI SASARAN** BTU (Bukti 5.5 d). Nilai perolehan geran penyelidikan FF tahun 2023 adalah sebanyak RM2,525,937.00 yang juga telah melebihi sasaran yang ditetapkan BTU.

Secara keseluruhannya, segala inisiatif, strategi dan pencapaian FF pada tahun 2023 **TELAH** dibukukan sebagai Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun FF Bil 5 (2021-2025) dan Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun FF Bil 6 (2021-2025) sebagai panduan dan rujukan warga FF (Bukti 5.5 e). Ini **dapat mencakna warga FF yang prihatin dan bekerjasama** dalam mencapai BT dan PTS yang telah dirancang terutama berkaitan BT.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan FF **TELAH** menggerakkan warga kerjai FF untuk mencapai misi, visi dan objektif fakulti serta inisiatif strategik yang telah dirancang bagi menyokong BT. Amalan dan pembudayaan bagi menyokong aspirasi program penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan **TELAH** berjaya dilaksanakan dan dibudayakan di kalangan warga FF, peringkat luar UiTM dan antarabangsa yang telah membawa kepada **PENGIKTIRAFAN GLOBAL** yang memacu ke arah GRU2025, *Globally Renowned, Locally Rooted*.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB05_20241_Bukti 5.5 a - Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM](#)

[4020.pdf](#)

2. [F0046_S01_SB05_20242_Bukti 5.5 b - Sosial Media dan Laman Sesawang.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB05_20243_Bukti 5.5 c - Majlis Inovasi dan Majlis Apresiasi.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB05_20244_Bukti 5.5 d - Bilangan Penambahan Penyelidik.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB05_20245_Bukti 5.5 e - Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun 2021-2025.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Beraspirasi menjadi “Globally Renowned University, Locally Rooted” menjelang 2025, FF beriltizam menjana penyelidikan berkualiti melalui pembangunan penyelidikan translasional, inovasi dan pengkomersilan di peringkat global sebagai teras utama bidang tumpuan (BT).

PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras BT dari aspek tumpuan kepada operasi, FF TELAH **MERANCANG** (PLAN) melalui Bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 6 (2021-2025) yang TELAH diadakan pada 15 Februari 2023 dan kemudiannya TELAH **DITAMBAHBAIK** (ACT) dalam bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 7 pada 5 Januari 2024. FF TELAH melakukan **PELAKSANAAN** (DO) melalui DUA (2) inisiatif strategik utama iaitu PROMoting impactful pubLLications From academiCs (ProlIFic) dan Expand ResearCh to the nExt Level (ExceL). Warga FF turut dibimbing untuk meningkatkan pencapaian QS World Ranking dalam bidang Farmasi dan Farmakologi melalui projek Global Renowned Institutional Taskforce (GRIT). Usaha **PEMANTAUAN** (CHECK) secara pelaporan dan maklumbalas program bagi tujuan menambahbaik pengurusan FF dilakukan bagi memastikan kelestarian program dan pencapaiannya sejajar dengan objektif Pelan Strategik FF dan UiTM. Projek-projek yang TELAH dilaksanakan merupakan **PENAMBAHBAIKAN** (ACT) dari projek-projek yang telah dijalankan pada tahun 2022 seperti Global Recognition Initiative (GRIn), Raise Your Game (Rise), Publish to Flourish (PTF) dan Quest for Impactful Publications (eQuIP).

PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif perluasan yang TELAH diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif BT pilihan yang melibatkan keseluruhan sistem UiTM adalah melalui **PERANCANGAN** (PLAN) FF di dalam pemetaan projek-projek BT di bawah inisiatif ProlIFic dan ExceL. **PELAKSANAAN** (DO) TELAH diteruskan bagi memperkasakan warga UiTM dengan kemahiran penulisan melalui perkongsian pakar dari dalaman FF di peringkat UiTM melalui projek inisiatif ProlIFic, iaitu Write2Impact. Usaha **PEMANTAUAN** (CHECK) TELAH dilakukan bagi memantau kemajuan peserta yang terlibat melalui peringatan penghantaran status kemajuan melalui emel dan WhatsApp. Maklumat aktiviti-aktiviti FF yang TELAH dilakukan turut di **TAMBAHBAIK** (ACT) secara sebaran luas melalui buletin elektronik bulanan yang dimuatnaik di laman web rasmi FF dan dihantar kepada rakan usahasama serta pemegang taruh FF melalui emel.

PEMBELAJARAN (LEARNING)

FF TELAH menggunakan pelbagai instrumen dan mekanisme **PEMANTAUAN** (CHECK) termasuk pelaporan hasil selepas program, lantikan penilai dalaman, borang maklumbalas soal selidik serta Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) bagi menilai pencapaian agar selari dengan objektif kualiti. Melalui inisiatif ExceL, FF TELAH **MELAKSANAKAN** (DO) projek-projek yang mampu menambahbaik prestasi FF dalam BT. Mekanisme **PENGURUSAN RISIKO** FF yang komprehensif dan bersepadu juga TELAH dilaksanakan melalui analisa SWOT, lantikan penyelarasan risiko, lantikan SOSHCo dan analisa pencapaian petunjuk prestasi. **PENAMBAHBAIKAN** (ACT) yang TELAH dilakukan termasuk pelantikan mentor dan bengkel “Jom jadi Corresponding Author (CA)” sebagai lonjakan untuk bilangan penerbitan di dalam jurnal IJPNaCS. Perbincangan kolaborasi bersama universiti rakan kongsi antarabangsa turut dipertingkatkan, selain penganjuran seminar Virtual Postgraduate Engagement Day bagi meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah.

INTEGRASI (INTEGRATION)

FF sentiasa berusaha untuk mengintegrasikan amalan kerja yang efisien bermula dari **PERANCANGAN, PEMBIKINAN, PEMANTAUAN, PENGENALPASTIAN RISIKO, dan PENAMBAHBAIKAN**. Hebahan penghargaan penerbitan secara bulanan, pembudayaan

penyelidikan melalui PHARMI-IDEX dan IDEX, kempen pelupusan ubat bersama komuniti, penerbitan Prescription serta jurnal IJPNaCS merupakan landasan tepat bagi penyebaran aktiviti BT ke peringkat luar UiTM.

Kesimpulannya, melalui pelbagai inisiatif dan projek yang dilaksanakan merangkumi aspek **inklusiviti, akauntabiliti, integriti, pemerkasaan, dan pengurusan risiko**, FF berjaya mencapai kecemerlangan operasi dan penyelidikan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PROSES-PROSES UTAMA yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT adalah:

1. Proses Penerbitan Berimpak Tinggi
2. Proses Perolehan Geran Penyelidikan
3. Proses Inovasi dan Pengkomersilan

Proses-proses ini adalah berdasarkan analisa **PENILAIAN** awal SWOT dan dimulakan dengan pembentukan carta organisasi serta lantikan ahli jawatankuasa (AJK) di peringkat FF (Bukti 6.2 a) untuk pencapaian hasil BT yang cemerlang. Dua (2) inisiatif strategik utama TELAH diberi tumpuan pada tahun 2023 iaitu:

1. Inisiatif strategik Prolifc TELAH dirangka untuk meningkatkan jumlah penerbitan berkualiti dan berimpak tinggi (Proses 1) melalui projek seperti Write2Impact, Write2Flourish, Write2gether dan Global Renowned Institutional Taskforce (GRIT). Projek-projek ini menggunakan konsep pementoran di mana pensyarah dan pelajar pascasiswazah dilatih oleh mentor dalam kepakaran tertentu. Pendekatan ini tidak hanya **MEMPERKASAKAN** staf dan pelajar menerusi peningkatan kemahiran penulisan akademik tetapi juga menerusi **DELEGASI** tanggungjawab kepada semua warga FF. Dengan bimbingan yang sistematik, Prolifc berjaya meningkatkan kualiti dan kuantiti penerbitan akademik fakulti (Bukti 6.2 b).

2. Inisiatif strategik Excel TELAH dirangka untuk meningkatkan perolehan geran penyelidikan (Proses 2) samada di peringkat dalaman, mahupun luaran dan antarabangsa melalui projek Write2Win. Menerusi projek ini, FF menyediakan bengkel kajian semula cadangan penyelidikan yang berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri tempatan serta antarabangsa. Usaha ini menunjukkan **PENGURUSAN RISIKO** yang berkesan dalam memastikan setiap cadangan penyelidikan dipersiapkan dengan teliti untuk meningkatkan peluang mendapatkan pembiayaan yang diperlukan (Bukti 6.2 c).

3. Selain itu, projek PHARM-IIDEx dan paten TELAH dirangka untuk meningkatkan aktiviti inovasi dan pengkomersilan (Proses 3) dikalangan warga FF. Pensejajaran strategik bagi BT ini di FF memastikan bahawa setiap inisiatif yang diambil selaras dengan objektif kualiti fakulti. Melalui perancangan yang **SISTEMATIK** dan penekanan kepada kualiti pendidikan, modal insan, penyelidikan, dan jaringan strategik, FF berjaya meningkatkan ketampakan dan pengiktirafan di peringkat global. Ini sejajar dengan misi UiTM ke arah GRU2025 dan memastikan bahawa setiap langkah yang diambil membawa kepada pencapaian yang bermakna dan berimpak tinggi (Bukti 6.2 d).

Projek-projek yang dirangka ini merupakan **PENAMBAHBAIKAN** dari projek-projek yang telah dijalankan pada tahun 2022 seperti GRIn, Rise, PTF dan eQuIP.

Pemetaan Petunjuk Prestasi (PI) FF kepada projek-projek utama tersebut memastikan setiap aktiviti **PENYELIDIKAN** dan **INOVASI** diselaraskan dengan objektif strategik fakulti. Ini menunjukkan **AKAUNTABILITI** fakulti dalam memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan matlamat strategik yang telah ditetapkan. Pemetaan ini juga membantu dalam pemantauan prestasi dan penilaian keberkesanan setiap projek yang dilaksanakan, disamping memastikan **INTEGRITI** dalam setiap langkah yang diambil (Bukti 6.2 e).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FF telah mengenalpasti **PROSES-PROSES UTAMA** yang menyokong BT. **PERANCANGAN** operasi terhadap pelaksanaan proses utama BT TELAH dibuat secara **SISTEMATIK** berpandukan kepada garis panduan yang mengambilkira elemen **PENILAIAN**, **PENAMBAHBAIKAN** dan **INOVASI** yang terhasil. Dengan pendekatan dan **KETERANGKUMAN** semua warga fakulti, FF berjaya mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman yang dihadapi dalam usaha mencapai kecemerlangan.

-

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_O01_OB02_20241_Bukti 6.2 a.pdf.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB02_20242_Bukti 6.2 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB02_20243_Bukti 6.2 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB02_20244_Bukti 6.2 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB02_20245_Bukti 6.2 e.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FF komited di dalam mencapai kecemerlangan global melalui **PERLUASAN** inisiatif strategik yang melibatkan pelbagai peringkat, termasuk di peringkat UiTM dan juga penglibatan rakan industri, universiti tempatan, dan antarabangsa. Melalui pendekatan yang sistematik dalam tiga proses utama BT—Penerbitan Berimpak Tinggi, Perolehan Geran, serta Inovasi dan Pengkomersilan—FF telah mengadaptasi model **Plan, Do, Check, Act (PDCA)** bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan pencapaian petunjuk prestasi (Bukti 6.3 a):

1. FF TELAH melaksanakan bengkel perancangan strategik bagi merencanakan perjalanan program-program yang membabitkan kerjasama antara fakulti, industri, dan rakan kolaborasi. Melalui bengkel tersebut, FF membuat analisis dan membentuk unjuran pencapaian objektif fakulti. Hasil dari pengumpulan data, FF TELAH **MERANCANG (PLAN)** inisiatif Prolifac dan Excel dan inisiatif-inisiatif tersebut telah dipetakan kepada projek-projek di bawah program BT. Kelebihan FF TELAH dikenalpasti termasuklah mempunyai penyelidik yang mampu menerbitkan makalah akademik di jurnal yang berimpak tinggi, mempunyai kolaborasi dengan universiti 300 teratas global dan FF juga diiktiraf di kalangan 300 teratas dalam bidang Farmasi dan Farmakologi dalam QS World University Rankings by Subject. (Bukti 6.3 b)
2. Seterusnya, inisiatif untuk membudayakan penerbitan artikel berkualiti tinggi dan meningkatkan bilangan perolehan geran melalui penganjuran projek-projek inisiatif Prolifac dan Excel juga **TELAH DILAKSANAKAN (DO)**. Sebagai contoh, FF mengetengahkan pakar dari dalaman FF untuk menyumbang dan berkongsi kepakaran di peringkat UiTM melalui projek di bawah inisiatif Prolifac, Write2Impact yang TELAH dirancang pada tahun 2023. Program ini bertujuan memperkasakan warga UiTM dengan kemahiran penulisan artikel berimpak tinggi, serta menggalakkan **KETERANGKUMAN** dan **KOMUNIKASI** yang efektif dengan menyediakan platform perkongsian ilmu serta pengalaman kepada warga UiTM. (Bukti 6.3 c)
3. **PEMANTAUAN (CHECK)** berkala terhadap kemajuan **projek-projek** yang mendokong inisiatif strategik seperti **Prolifac** dan **Excel** adalah penting bagi memastikan **PELAKSANAAN (DO)** adalah mengikut perancangan. Peringatan penghantaran status kemajuan melalui emel DILAKSANAKAN bagi memastikan projek Write2gether dan Write2Flourish mencapai objektif yang telah ditetapkan. Melalui **PEMANTAUAN (CHECK)** ini, sebarang isu yang timbul dapat ditangani dengan segera bagi memastikan kejayaan program dan pematuhan kepada objektif yang telah ditetapkan. (Bukti 6.3 d)
4. FF telah mewujudkan penerbitan buletin elektronik, "Prescription" sebagai langkah **PENAMBAHBAIKAN (ACT)** berterusan di dalam komunikasi dan penyebaran maklumat. *Prescription* memaparkan pelbagai topik terkini berkaitan bidang farmasi, hasil nukilan warga FF sendiri, serta berkongsi aktiviti penyelidikan, termasuk penerimaan anugerah, perolehan geran, dan intipati penyelidikan yang sedang dijalankan. *Prescription* berfungsi sebagai medium bagi mempromosikan hasil penyelidikan staf dan pelajar serta perkongsian pengetahuan dan kemahiran warga FF ke peringkat **LUAR UiTM TERUTAMANYA KEPADA RAKAN USAHASAMA KEBANGSAAN, INDUSTRI DAN ANTARABANGSA**. Bagi memastikan maklumat penting sampai kepada semua pihak berkepentingan, *Prescription* diuar-uarkan melalui laman web FF dan dihantar kepada rakan usahasama serta pemegang taruh FF melalui emel secara bulanan. (Bukti 6.3 e)

Kesimpulannya, melalui pendekatan **PDCA**, FF telah mengenalpasti aset dan kekuatan FF dan seterusnya **MERANCANG (PLAN)** halatuju fakulti bagi mengungguli BT. FF TELAH **MELAKSANAKAN (DO)** projek-projek inisiatif strategik yang telah dirancang dengan sebaik-baiknya dengan melibatkan warga FF, dan juga di kalangan warga UiTM. Setelah hasil program **DIANALISA (CHECK)**, program FF **DITAMBAHBAIK (ACT)** dan **DIPERLUASKAN** lagi ke peringkat UiTM, rakan usahasama industri, tempatan dan antarabangsa melalui inisiatif

capaian secara atas tanah dan teknologi digital.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB03_20241_Bukti 6.3 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB03_20242_Bukti 6.3 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB03_20243_Bukti 6.3 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB03_20244_Bukti 6.3 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB03_20245_Bukti 6.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FF TELAH melaksanakan **PEMANTAUAN** bagi mengenalpasti keberkesanan proses FF yang meliputi hasil penyelidikan, penerbitan, inovasi, dan pengkomersilan. Bagi mencapai matlamat ini, **INSTRUMEN DAN MEKANISME PEMANTAUAN** yang berkesan digunakan termasuk pelaporan program, komunikasi dua hala bersama pemegang taruh dan rakan usahasama serta pelaksanaan audit dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) .

Sebagai contoh, laporan tamat program yang dilengkapi informasi berkaitan pelaksanaan, dan permasalahan dalam perjalanan program disediakan. Laporan **PEMANTAUAN** perjalanan dan keberkesanan program disimpan secara digital dan fizikal sebagai rujukan untuk program akan datang. **HASIL PEMANTAUAN** ini digunakan untuk kajian semula pengurusan, memastikan setiap program dilaksanakan dengan efisien dan memenuhi objektif yang telah ditetapkan. (Bukti 6.4.1 a)

Melalui inisiatif Excel, projek Write2Win dilaksanakan secara interaktif merangkumi prinsip, dan strategi yang dikongsi oleh panel berpengalaman di dalam penulisan kertas cadangan penyelidikan geran FRGS. Penilai TELAH dilantik untuk melaksanakan **PEMANTAUAN** dalam memastikan hasil penulisan kertas cadangan FF adalah berkualiti. (Bukti 6.4.1 b)

PEMANTAUAN melalui soal selidik peserta digunakan sebagai rujukan **PENAMBAHBAIKAN PROGRAM** dan memastikan program memberikan impak positif kepada semua pihak yang terlibat. Sebagai contoh, Program "Kempen Kesedaran Pelupusan Ubat Secara Selamat" yang dianjurkan oleh FF di antaranya bertujuan untuk membina rangkaian **ANTARA UITM, KOMUNITI, DAN PIHAK INDUSTRI** dalam menangani isu sisa farmaseutikal. Ini menunjukkan **AKAUNTABILITI** dan **INTEGRITI** dalam mengumpulkan dan menggunakan maklumat daripada peserta untuk **PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN**. (Bukti 6.4.1 c)

KOMUNIKASI dua hala bersama pemegang taruh dan rakan usahasama industri dijalankan secara berterusan untuk mengenalpasti masalah, **MEMANTAU** serta **MENAMBAHBAIK** tadbir urus operasi FF bagi memastikan aktiviti berkaitan BT yang dilaksanakan bersifat global dan berimpak tinggi. Ini memperlihatkan kepentingan **KOMUNIKASI** yang efektif dalam memastikan semua pihak terlibat menyokong usaha fakulti. (Bukti 6.4.1 d)

PEMANTAUAN (CHECK) pengoperasian juga dilaksanakan melalui Audit Dalam dan Audit Luar iQMS. Hasil audit dibincangkan di dalam MKSP termasuk penilaian pencapaian objektif kualiti 6, 7 dan 8 yang dipetakan sebagai elemen pengukuran BT. (Bukti 6.4.1 e)

Kesimpulannya, FF TELAH melaksanakan **PEMANTAUAN (CHECK)** melalui pelbagai instrumen pemantauan yang berkesan bagi membantu menambahbaik tadbir urus operasi FF. **HASIL PEMANTAUAN** ini **DIANALISA** dan **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** dilaksanakan memastikan keberkesanan dan kelestarian hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT tercapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_O01_OB04_OC01_20241_Bukti 6.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC01_20242_Bukti 6.4.1 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC01_20243_Bukti 6.4.1 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC01_20244_Bukti 6.4.1 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC01_20245_Bukti 6.4.1 e.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi meningkatkan kualiti operasi dan kejayaan BT, FF TELAH mengimplementasikan mekanisme pengurusan risiko yang komprehensif dan bersepadu. Pendekatan ini melibatkan penyertaan aktif dari semua pihak berkepentingan, memastikan **KETERANGKUMAN** dalam proses **PENGENALPASTIAN DAN PENGURUSAN RISIKO**.

Melalui bengkel perancangan strategik, analisa SWOT bagi BT TELAH dibuat untuk **MENGENALPASTI RISIKO** ancaman dan kesan yang dihadapi oleh FF. Risiko yang dikenal pasti termasuklah kekurangan dana untuk penyelenggaraan peralatan, dan penurunan bilangan pelajar pascasiswazah yang menyokong aktiviti BT. Di samping itu, kegagalan mendapatkan geran selepas pelbagai percubaan juga merupakan ancaman yang signifikan. Analisa pengenalpastian risiko ini membantu mengarahkan usaha BT ke arah yang lebih berkesan. (Bukti 6.4.2 a)

Bagi memperkukuhkan **AKAUNTABILITI** dan **INTEGRITI** dalam pengurusan risiko, pihak FF TELAH melantik penyelaras dan ahli jawatankuasa pengurusan risiko. Langkah ini menunjukkan komitmen FF terhadap pengurusan risiko yang telus dan berkesan, serta memberikan **DELEGASI** tugas yang jelas dalam tanggungjawab mengurus risiko. Penyelaras risiko memainkan peranan penting dalam memastikan setiap **PENGENALPASTIAN RISIKO** diurus dengan cermat dan tindakan pencegahan yang sesuai diambil tepat pada masanya. (Bukti 6.4.2 b)

MAKLUMAT DAFTAR RISIKO TELAH DIWUJUDKAN untuk memantau dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko yang dihadapi oleh FF. Melalui **PEMANTAUAN** risiko secara berterusan, operasi FF sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan sebarang ancaman dapat diatasi dengan cepat dan berkesan (**PENAMBAHBAIKAN**). (Bukti 6.4.2 c)

FF TELAH melantik Jawatankuasa SOSHCo (Occupational Safety and Health Sub-Committee) untuk memastikan **PENGURUSAN RISIKO** kesihatan pekerjaan di FF dipantau dan ditingkatkan secara berkesan, sejajar dengan komitmen UiTM terhadap keselamatan di tempat kerja. Jawatankuasa SOSHCo berperanan penting dalam **PENILAIAN RISIKO**, memastikan pematuhan undang-undang keselamatan, dan menyediakan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada warga FF. (Bukti 6.4.2 d)

Analisa pencapaian petunjuk prestasi juga menunjukkan beberapa **RISIKO YANG TELAH DIKENALPASTI** berkaitan keberkesanan proses penerbitan (PI049 - Penerbitan Ilmiah) dan persaingan tinggi dalam memperoleh geran antarabangsa (PI065 dan PI066). Tindakan pencegahan risiko operasi seterusnya dirancang secara strategik bagi memastikan kejayaan BT. (Bukti 6.4.2 e)

Kesimpulannya, **DAFTAR RISIKO DI FF TELAH DIREKODKAN, DINILAI, DAN DIANALISIS** secara menyeluruh. Berdasarkan hasil analisa tersebut, **TINDAKAN PENCEGAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN** telah diambil untuk memastikan keberkesanan dan kelestarian pelaksanaan objektif serta inisiatif strategik yang telah dirancang oleh FF.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB04_OC02_20241_Bukti 6.4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC02_20242_Bukti 6.4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC02_20243_Bukti 6.4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC02_20244_Bukti 6.4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC02_20245_Bukti 6.4.2 e.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pengkajian semula dan tindakan penambahbaikan yang berterusan, FF TELAH melaksanakan pelbagai inisiatif secara **INKLUSIF** dan menyeluruh dalam mengatasi risiko yang telah dikenalpasti dan meningkatkan kualiti serta prestasi FF di dalam BT.

Salah satu **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN UTAMA** adalah melalui projek Write2Flourish di bawah inisiatif ProliFic untuk mengatasi risiko kekurangan penerbitan menerusi **PEMERKASAAN** staf dalam mengukuhkan pencapaian dan prestasi BT. Bimbingan peribadi oleh mentor yang dilantik di kalangan pakar di **DALAM** dan **LUAR NEGARA** TELAH disediakan bagi memastikan artikel yang dihasilkan berkualiti tinggi. (Bukti 6.4.3 a)

Inisiatif "Jom Jadi Corresponding Author (CA)" merupakan langkah **PENAMBAHBAIKAN** dalam inisiatif ProliFic yang TELAH dilaksanakan berikutan jumlah CA yang masih belum mencapai sasaran ketika itu. Melalui inisiatif ini, staf digalakkan untuk menghantar artikel ke International Journal of Pharmaceuticals, Nutraceuticals and Cosmetic Science (IJPNaCS). Tindakan **PENAMBAHBAIKAN** ini berjaya memenuhi petunjuk prestasi yang ditetapkan. (Bukti 6.4.3 b)

Inisiatif tema penyelidikan juga TELAH dilaksanakan melalui **KETERANGKUMAN** dalam aktiviti penyelidikan dengan menggalakkan kolaborasi lebih ramai penyelidik FF dan luar dari pelbagai bidang dengan mengenalpasti bidang penyelidikan yang terlibat. Ini bukan sahaja memperkaya hasil penyelidikan malah meningkatkan peluang perolehan geran penyelidikan daripada sumber nasional dan antarabangsa (Bukti 6.4.3 c)

Sebagai proses **PENGAJIAN SEMULA DAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN**, FF TELAH mengadakan sesi perbincangan dan perkongsian dengan pihak berkepentingan termasuk penyelidik antarabangsa, dan universiti rakan kongsi. Sebagai contoh, lawatan perbincangan oleh universiti rakan kongsi bagi mempertingkatkan keberkesanan program penyelidikan TELAH menyumbang kepada peningkatan bilangan MoU/MoA yang dimeterai. **KOMUNIKASI** yang efektif dalam perbincangan ini memastikan setiap pihak berkepentingan dapat menyuarakan pandangan mereka dan menyumbang kepada **PENAMBAHBAIKAN** yang berterusan. (Bukti 6.4.3 d)

Sebagai **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** di dalam **MENGATASI RISIKO** penurunan bilangan pelajar pascasiswazah yang berkait rapat dengan aktiviti BT, FF TELAH mengadakan *Virtual Postgraduate Engagement Day* untuk meningkatkan enrolmen pelajar. Program ini bertujuan memberikan maklumat dan motivasi kepada pelajar mengenai peluang penyelidikan dan program pengajian yang ditawarkan oleh FF. (Bukti 6.4.3 e)

Kesimpulannya, **DATA DAN MAKLUMAT YANG DIKUMPUL TELAH DIANALISIS** dengan teliti untuk tujuan **PENAMBAHBAIKAN**. Hasil analisis tersebut **TELAH DIAMBIL TINDAKAN** yang efisien dan efektif, dan **TELAH DIKONGSI KEPADA SELURUH WARGA FF** bagi memastikan peningkatan kualiti operasi FF dan semua pihak mendapat manfaat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB04_OC03_20241_Bukti 6.4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC03_20242_Bukti 6.4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC03_20243_Bukti 6.4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC03_20244_Bukti 6.4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC03_20245_Bukti 6.4.3 e.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FF sentiasa berusaha untuk **MENINTEGRASIKAN** amalan kerja yang efisien bermula dari **PERANCANGAN (PLAN), PELAKSANAAN (DO), PEMANTAUAN (CHECK), PENGENALPASTIAN RISIKO (ACT), DAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**. Pengadaptasian model ini DAPAT memastikan tahap **AMALAN PEMBUDAYAAN** ke peringkat yang tertinggi dan memberi impak terbaik kepada fakulti. **INTEGRASI** menyeluruh dari setiap peringkat ini adalah kunci dalam mencapai kecemerlangan dan kelestarian operasi BT FF.

Dalam memastikan segala usaha penambahbaikan berterusan dan keterjaminan kualiti BT dapat dilaksanakan, **PENGLIBATAN** keseluruhan warga FF dan budaya saling membantu TELAH membentuk persekitaran kerja yang sihat dan produktif. Hebahan **PEMBUDAYAAN** yang berterusan melalui poster-poster penghargaan penerbitan juga TELAH dilaksanakan sebagai salah satu bentuk penghargaan kepada staf yang telah mencapai sasaran penerbitan setiap bulan (Bukti 6.5 a).

Pertandingan PHARM-IIDEx anjuran FF merupakan projek penting di bawah Proses 3 (Inovasi dan Pengkomersilan) yang TELAH menggalakkan kreativiti dan inovasi warga FF di peringkat nasional, dan berfungsi sebagai platform loncatan ke program inovasi yang lebih tinggi. Penglibatan peserta luar UiTM, termasuk pelajar sekolah menjadikan PHARM-IIDEx program FF yang unik dan sebagai satu platform inklusif yang **MENINTEGRASIKAN AMALAN PEMBUDAYAAN INOVASI** di peringkat lebih luas, merangkumi komuniti pendidikan yang lebih besar. Melalui PHARM-IIDEx, warga FF berpeluang membangunkan idea-idea inovatif dan hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan, dan seterusnya melibatkan diri dalam bidang inovasi di peringkat antarabangsa, seperti melalui International Innovation and Design Expo (IIDEX) anjuran UiTM. (Bukti 6.5 b)

Kempen pelupusan ubat bersama komuniti menerusi geran CE-SIR (SafeMed) adalah contoh terbaik bagaimana FF berinteraksi dengan masyarakat untuk menangani isu kesihatan awam. Program ini bukan sahaja meningkatkan **PENGURUSAN RISIKO** dalam pengendalian ubat-ubatan malahan memperlihatkan **INTEGRITI** FF dalam tanggungjawab sosialnya. **INTEGRASI** dengan pelbagai pihak, termasuk komuniti dan organisasi luar, memastikan pendekatan yang holistik dalam menangani risiko kesihatan. Kempen ini juga **MEMBUDAYAKAN AMALAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**, menjadikannya sebahagian daripada nilai teras fakulti yang terus diamalkan dan dikembangkan dalam semua aktiviti yang dijalankan. (Bukti 6.5 c)

FF TELAH menubuhkan Jawatankuasa Globally Renowned Institution Team (GRIT), yang terdiri daripada pakar dari pelbagai bidang seperti Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Pergigian, dan Fakulti Perubatan. Langkah ini merupakan **INOVASI** yang dilaksanakan oleh FF sebagai usaha penting dalam **INTEGRASI** bagi mempertingkatkan penarafan bidang Farmasi dan Farmakologi dalam QS World University Rankings by Subject, dengan menggabungkan kepakaran merentas disiplin untuk mencapai matlamat yang lebih besar. **INOVASI** ini mencerminkan **AKAUNTABILITI** FF dalam mendukung aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025, serta memperkukuhkan kedudukan fakulti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 6.5 d)

Jurnal fakulti, IJPNaCS, yang dinaiktaraf dan diindeks oleh MyCite, merupakan strategi kritikal fakulti untuk **MELUASKAN, MENAMBAHBAIK**, serta menambahkan kebolehtampakan FF dalam dunia akademik. Jurnal ini bukan sahaja memaparkan hasil kajian dari penyelidik FF dan UiTM tetapi **juga dari luar UiTM dan antarabangsa**, menjadikannya rujukan penting untuk penyelidik dan profesional. Usaha ini menunjukkan tindakan FF di dalam **PEMERKASAAN** staf untuk menggalakkan penulisan ilmiah dan meningkatkan kualiti serta kuantiti penerbitan. (Bukti 6.5 e)

Sebagai kesimpulan, melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan, FF TELAH menunjukkan komitmen yang tinggi di dalam mengintegrasikan **AMALAN DAN PEMBUDAYAAN TERBAIK** di peringkat **UITM, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA** di

dalam mencapai kecemerlangan dan kelestarian operasi BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB05_20241_Bukti 6.5 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB05_20242_Bukti 6.5 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB05_20243_Bukti 6.5 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB05_20244_Bukti 6.5 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB05_20245_Bukti 6.5 e.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Penerbitan Bersama (Kerjasama Industri, Kebangsaan dan Antarabangsa) Memacu Kebolehtampakan Ke Arah GRU2025

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penyelidikan di universiti adalah 'enjin' pertumbuhan ekonomi negara. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 menggariskan kepentingan penyelidikan sebagai asas dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serta mencapai matlamat menjadi negara berteknologi. Selaras dengan aspirasi universiti untuk menjadikan UiTM sebagai *Globally Renowned University by 2025* (GRU2025), FF sentiasa menggalakkan kerjasama di antara para penyelidik FF dengan rakan usaha sama di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan industri dalam BT. Bagi menyuburkan aktiviti kolaborasi ini, FF TELAH MERANCANG inisiatif-inisiatif strategik dan ditambah baik pada bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 6 (2021-2025) yang diadakan pada 15–16 Februari 2023 (**Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021-2025) (Bil. 6) Fakulti Farmasi**) bagi menyokong BT. PTS ini TELAH disebarluaskan kepada semua warga fakulti menerusi Majlis Amanat Dekan dan laman sesawang fakulti.

Kerjasama dalam penyelidikan dan penerbitan bersama adalah penting kerana ia dapat memberi **IMPAK** kepada FF, khasnya dan UiTM, amnya dari segi peningkatan **KEBOLEHTAMPAKAN** kepakaran yang sedia ada dan peningkatan jalinan kerjasama dalam BT. Untuk itu, FF TELAH MELAKSANAKAN DUA (2) INISIATIF STRATEGIK iaitu **PROMoting impactful publIcations From academiCs (ProlIFic)** dan **Expand ResearCh to the nExt Level (Excel)**, selaras dengan aspirasi universiti dalam mencapai kecemerlangan global secara memperkasa aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan. Program-program yang dijalankan mensasar kepada kesemua **pensyarah aktif** di FF terutama yang masih belum menjadi penulis utama (*corresponding, first or sole author*), para **pelajar siswazah** dan **pascaijazah** serta **staf sokongan**. Di samping itu, projek **Global Renowned Institutional Taskforce (GRIT)** telah dirancang untuk MENINGKATKAN kedudukan UiTM di *QS World University Rankings by Subject in Pharmacy & Pharmacology* di samping MENINGKATKAN jumlah penerbitan jurnal berimpak tinggi.

HASIL dari pelaksanaan PTS BT, FF **TELAH MENCAPAI TAHAP MELEBIHI SASARAN** dengan **TREN POSITIF** bagi jumlah penerbitan berimpak (Q1/Q2) dan jumlah penerbitan bersama hasil kerjasama kebangsaan, antarabangsa dan industri berbanding tahun-tahun sebelumnya (2021 dan 2022). Secara keseluruhannya, FF **TELAH MENCAPAI TAHAP MELEBIHI SASARAN** dari segi penerbitan bagi kesemua PI yang ditetapkan oleh BTU.

TAHAP pencapaian **MELEBIHI SASARAN** dengan **TREN POSITIF** (2021-2023) penerbitan bersama hasil kerjasama kebangsaan, antarabangsa dan industri TELAH membawa kepada **PERBANDINGAN SETARA** dengan universiti-universiti terkemuka dalam dan luar negara. Ini adalah disebabkan oleh **PERANCANGAN**, **PELAKSANAAN** dan **PEMANTAUAN BERTERUSAN** yang dijalankan melalui projek-projek seperti **Write2gether**, **Write2Flourish**, **Write2Impact** dan **GRIT** di bawah INISIATIF STRATEGIK **ProlIFic** yang mensasarkan tahap penulisan berbeza (*Beginners, Intermediate dan Advanced*).

HASIL daripada inisiatif-inisiatif strategik BT yang dijalankan, **IMPAK** dari segi **KEBOLEHTAMPAKAN** penyelidik-penyelidik FF dalam BT (penerimaan pelbagai anugerah dan tersenarai *World's Top 2% Scientists*) adalah jelas. Dengan itu, FF dapat merealisasikan aspirasi UiTM untuk menjadi *Global Renowned, Locally Rooted University* pada tahun 2025 yang akan memberi **IMPAK** ke arah penyelidikan kemampanan global.

7.1.2 TANDA ARAS (Level)

BUKTI : [H1_F0046_HB02_20241_Hasil 1_Updated Level.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0046_HB03_20242_Hasil 1_Updated Trend.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0046_HB04_20243_HASIL1_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0046_HB05_20244_HASIL1_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Pemeriksaan Modal Insan, ke Arah Modal Insan Cemerlang Berdasarkan Kuintupel Heliks

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Modal insan berkualiti adalah teras dalam memacu kemajuan penyelidikan, kerana mereka membawa pengetahuan, kemahiran, dan kreativiti yang diperlukan untuk menjana inovasi dan penemuan baru. Ia juga penting dalam melatih generasi penyelidik yang akan datang, memastikan kesinambungan pengetahuan dan kemajuan dalam bidang penyelidikan yang pelbagai.

Bagi menyangga kecemerlangan BT, FF telah melaksanakan dua (2) inisiatif strategik **PROMoting impactful pUBLications From academICs (ProlIFic)** bagi meningkatkan bilangan ahli fakulti yang menerbitkan artikel di dalam jurnal yang berkualiti tinggi dan berimpak kepada masyarakat dan **Expand ResearCh to the nExt Level (Excel)** bagi meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh ahli fakulti, bukan sahaja dari badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri.

Modal insan FF telah memahat nama dan jasa dalam penyelidikan, bukan sahaja di UiTM, malah terbang jauh ke peringkat global. Program-program Write2gether, Write2Flourish dan Write2Impact (ProlIFic) serta Write2Win (Excel) mengembleng kepakaran warga cemerlang FF ini sebagai suriteladan dan narasumber bagi membugar tradisi kecemerlangan BT di FF. Hasilnya, FF menggapai kejayaan cemerlang dengan 60 penyelidik utama (PI) bagi perolehan geran nasional, **MELEBIHI SASARAN** BTU (41) malah bagi perolehan geran industri, FF juga **MELEBIHI SASARAN** dengan 3 penyelidik utama berbanding 2 sasaran yang ditetapkan BTU.

Pemeriksaan bakat warga FF bagi penulisan juga meningkatkan bilangan penerbitan berimpak dan berkualiti. Kecemerlangan ini diterjemah dengan pencapaian **MELANGKAUI SEMUA SASARAN** dari BTU bagi setiap kriteria penerbitan yang telah ditetapkan.

Membanggakan, pemeriksaan modal insan 2023 menunjukkan **TREN POSITIF** dengan **PENINGKATAN MEMBERANGSANGKAN** bagi jumlah sitasi jurnal SCOPUS dan jumlah penerbitan terindeks SCOPUS bagi semua warga FF. Malah, **PENINGKATAN KETARA** dilihat dalam jumlah sitasi jurnal berindeks SCOPUS bagi kesemua gred jawatan. **TREN** perolehan geran sebagai PI menunjukkan **PENINGKATAN KETARA POSITIF** secara konsisten tiga tahun berturut-turut. Pencapaian FF hasil dari tindakan-tindakan yang TELAH diambil dalam pembangunan modal insan telah membuahkan hasil cemerlang dalam pembudayaan BT.

Bukan hanya jaguh kampung, warga FF juga terbilang dan **SETANDING CEMERLANG** di arena global. Dua warga FF tersenarai dalam *World's Top 2% Scientists*, Prof. Dr. Wong Tin Wui (Career-long Achievement, Single-Year Achievement, 2023) dan Prof. Dr. Kalavathy Ramasamy (Single-Year Achievement, 2023). Kecemerlangan ini **SETANDING CEMERLANG** dengan fakulti-fakulti farmasi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan salah sebuah universiti terbilang Asia, Chulalongkorn Universiti, Thailand. Bahkan, penyelidik muda seperti Dr Shahezwan Abdul Wahab dan AP Dr Syed Adnan Ali Syah menerima penganugerahan berprestij dalam Anugerah Kecemerlangan Majlis Dekan Farmasi. Tradisi kegemilangan ini ditampilkan juga oleh warga FF di peringkat staf sokongan dan pelajar dengan pelbagai anugerah pencapaian dalam penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

Penyelidikan FF bukan hanya dimanifestasikan di kertas penerbitan, malah diimplementasi kepada komuniti global dan setempat melalui perkongsian kepakaran dengan komuniti penyelidik antarabangsa, keterlibatan dalam media massa, program pementoran bersama warga FF, UiTM dan penduduk setempat. Budaya kecemerlangan penyelidikan FF dikongsi bersama komuniti dalam program jangkauan komuniti di Bogor dan tidak dilupakan komuniti

Puncak Alam dan Sungai Utama.

Keterbilangan modal insan **FF MEMBERI IMPAK POSITIF** terhadap Heliks Kuintupel yang terutamanya kepada peningkatan kualiti kesihatan awam melalui perkongsian kepakaran bersama media dan Kementerian Kesihatan Malaysia (kerajaan), sumbangan kelestarian alam sekitar, kolaborasi dan pengkomersialan produk yang dimanfaatkan oleh pihak industri.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0046_HB02_20241_Hasil 2 - Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0046_HB03_20242_Hasil 2 - Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0046_HB04_20243_Hasil 2 - Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0046_HB05_20244_Hasil 2 - Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Penerbitan Berkualiti Tinggi dan Diiktiraf di Peringkat Global dari Fakulti Farmasi UiTM: Memperkasa Pertumbuhan Sosioekonomi Tempatan melalui Arkitektur Inovasi Heliks

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspirasi perancangan strategik UiTM2025 pada tahun 2024, *Globally Renowned, Locally Rooted* menggariskan visi UiTM menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dan pada masa yang sama menyumbang bakti kepada nusa dan bangsa. Berdasarkan model inovasi Heliks Kuintupel (*Quintuple Helix*), UiTM berperanan sebagai pemangkin utama yang menghubungkan **KEPAKARAN AKADEMIK** dengan **KEPERLUAN INDUSTRI, DASAR KERAJAAN, ASPIRASI MASYARAKAT, dan KELESTARIAN ALAM SEKITAR**. Penerbitan penyelidikan yang mempunyai dampak tinggi adalah salah satu medium untuk hubungan dan interaksi merentas sektor dan sempadan bagi menyelesaikan permasalahan bersama. Ia memacu pertukaran ilmu, kolaborasi antarabangsa, dan inovasi, serta menyumbang kepada penghasilan polisi awam berasaskan data dan bukti, membantu komuniti tempatan dan global mengatasi masalah serta cabaran yang dihadapi.

FF telah merangka PTS yang mengandungi dua inisiatif strategik utama; Prolifc dan Excel untuk mendukung aspirasi universiti dalam mencapai kecemerlangan global melalui penerbitan berimpak tinggi. Prolifc bertujuan membudayakan penulisan dan penerbitan berkualiti tinggi serta meningkatkan kedudukan QS ranking universiti, manakala Excel dirangka untuk meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh ahli fakulti. Melalui PTS yang jelas, FF TELAH BERJAYA **MELANGKAUI TAHAP SASARAN** yang ditetapkan UiTM. Pada tahun 2023, FF berjaya menerbitkan 189 jurnal yang terindeks di WoS dan Scopus, **MELANGKAUI SASARAN** 113 penerbitan berindeks yang telah ditetapkan.

FF telah menunjukkan **TREN POSITIF** dengan peningkatan konsisten dalam bilangan penerbitan di jurnal Q1/Q2, penglibatan staf FF sebagai "*corresponding author*" (CA), jumlah sitasi terkumpul dan kedudukan QS ranking. Jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks FF pada tahun 2023 **TELAH MELONJAK** sebanyak 19% berbanding tahun 2022 dan 70% berbanding tahun 2021. Disamping itu, jumlah peratus CA FF pada tahun 2023 **TELAH MENINGKAT** sebanyak 1.2 kali ganda berbanding tahun 2022 dan 2 kali ganda berbanding tahun 2021. Usaha warga FF dalam penerbitan yang berkualiti ini telah meningkatkan jumlah sitasi sehingga berjaya **MELONJAKKAN** subjek Pharmacy & Pharmacology pada kedudukan 300 terbaik dunia melalui QS World University Rankings by Subject 2024.

Tambahan lagi, **PERBANDINGAN** dengan fakulti yang lain seperti Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UiTM mendapati FF telah **MENGUNGGULI PENCAPAIAN** bilangan penerbitan berkualiti ini; 46% daripada artikel FF diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi (Q1/Q2) berbanding hanya 9.2% daripada artikel FSK, UiTM. Disamping itu, FF juga mempunyai peratusan penerbitan berkualiti yang **KOMPETITIF** dengan institusi pengajian tinggi farmasi di kedudukan QS by Subject yang lebih tinggi seperti Universiti Malaya (QS ranking: 72) dan Auckland University, New Zealand (QS ranking: 54).

Hasil penerbitan berkualiti FF telah memberi **IMPAK POSITIF** di pelbagai peringkat seperti peningkatan kualiti kesihatan awam melalui kolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (kerajaan), kelestarian alam sekitar melalui penyelidikan teknologi hijau (*Green Technology*) dan pengkomersialan produk yang mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan oleh pihak industri. Penerbitan berkualiti yang dihasilkan juga telah **MENONJOLKAN KETOKOHAN** dan **KEBOLEHTAMPAKAN** para penyelidik FF menerusi **PENGIKTIRAFAN GLOBAL** seperti anugerah *World's Top 2% Scientist* dan anugerah Helen Clark-JoPPP.

Selari dengan BT, pelaksanaan PTS yang berfokus melalui gerak kerja sinergistik telah

menyumbang kepada **KEBERHASILAN PENERBITAN BERKUALITI DAN BERIMPAK TINGGI** yang cemerlang. Ini seterusnya telah memperkukuh kedudukan FF dan UiTM sebagai INSTITUSI PENYELIDIKAN TERKEMUKA DUNIA yang berupaya menyumbang kepada KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT di peringkat KEBANGSAAN dan ANTARABANGSA.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0046_HB02_20241_Hasil 3-Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0046_HB03_20242_Hasil 3-Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0046_HB04_20243_Hasil 3-Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0046_HB05_20244_Hasil 3-Kepentingan.pdf](#)